

**MASTERCARD MALAYSIA  
KAD KREDIT WORLD ELIT MASTERCARD**

**RINGKASAN PERLINDUNGAN**

Perlindungan Insurans	Jumlah Manfaat Maksimum (USD)
Perlindungan Pembelian	Setiap kejadian: 3,000 Setiap agregat: 20,000
Perlindungan Pembelian E-Dagang	Setiap Kejadian: 1,000 Agregat Tahunan: 1,000

Perlindungan Insurans Perjalanan ***	Jumlah Manfaat Maksimum
<b>1. Kemalangan Perjalanan &amp; Perjalanan yang Diinsuranskan:</b> Kemalangan Perjalanan Pengangkutan Umum – Perjalanan Antarabangsa Kemalangan Perjalanan Pengangkutan Umum – Perjalanan Domestik Kemalangan Perjalanan yang Diinsuranskan – Perjalanan Antarabangsa Kemalangan Perjalanan yang Diinsuranskan – Perjalanan Domestik	Sehingga USD 500,000 Sehingga USD 100,000 Sehingga USD 150,000 Sehingga USD 75,000
<b>2. Manfaat Perubatan Perjalanan:</b> Perbelanjaan Perubatan (Kecederaan atau Sakit) Evakuasi Perubatan Kecemasan/Penghantaran Pulang Mayat Manfaat Tunai Harian Hospital	Sehingga USD 500,000 Sehingga USD 500,000 USD 100 Sehari
<b>3. Perlindungan Kesulitan Perjalanan:</b> Pembatalan Perjalanan Pemendekan Perjalanan Penangguhan Perjalanan Kelewatan Perjalanan Sambungan Terlepas Liabiliti Peribadi Di Luar Negara	Sehingga USD 7,500 Sehingga USD 7,500 Sehingga USD 7,500 Bagi kelewatan melebihi 4 jam, USD 500 USD 500 Sehingga USD 500,000
<b>4. Perlindungan Bagasi:</b> Bagasi Peribadi Termasuk Komputer Riba  Kelewatan Bagasi Pengangkutan Umum Dokumen Perjalanan dan Wang Peribadi	Sehingga USD 3,000, tertakluk kepada had maksimum item tunggal USD 625 Bagi kelewatan melebihi 4 jam, USD 500 USD 500
<b>5. Perkhidmatan Jabatan Bantuan</b>	Termasuk

\*\*\* Sub-had tergunapakai untuk Pasangan, Anak-anak dan Pembantu Rumah mengenai segala manfaat Perlindungan Insurans Perjalanan yang disenaraikan di atas.

Sub-had untuk Pasangan adalah setara dengan 50% daripada segala manfaat Perlindungan Insurans Perjalanan.

Sub-had untuk Anak-anak dan Pembantu Rumah adalah setara dengan 10% daripada semua manfaat yang disenaraikan di atas dengan pengecualian Kemalangan Perjalanan & Perjalanan yang Diinsuranskan di mana manfaat maksimum ialah \$10,000.

Sila rujuk bahagian Jabatan Bantuan untuk maklumat mengenai ciri-ciri dan manfaat tambahan.

Setiap had manfaat insurans yang diterangkan dalam Panduan ini adalah dalam Dolar Amerika Syarikat (USD). Pembayaran tuntutan akan dibuat dalam mata wang tempatan yang dikehendaki oleh undang-undang, menggunakan Kadar Pertukaran Asing rasmi yang diterbitkan pada tarikh pembayaran Tuntutan dibuat.

## BAHAGIAN A

### TERMA & SYARAT INSURANS PERLINDUNGAN PEMBELIAN BAGI PEMEGANG KAD MALAYSIA

#### SEKSYEN I DEFINISI AM

Terma dengan makna tertentu ditakrifkan di bawah dan mempunyai makna ini di mana jua ia dinyatakan dengan huruf awal besar.

**Kerosakan akibat Kemalangan:** item yang tidak lagi boleh menjalankan fungsi asalnya disebabkan kerosakan alat ganti atau bahan atau kegagalan struktur yang disebabkan oleh kemalangan.

**Had Agregat Tahunan:** jumlah maksimum manfaat bagi setiap Pemegang Kad yang tersedia di bawah Insurans Perlindungan Pembelian.

**Pemegang kad/Orang yang Diinsuranskan:** semua individu yang mana Kad Layak telah dikeluarkan kepadanya, termasuk pemegang kad kedua atau tambahan atas akaun yang sama, di Wilayah dan di mana Kad Layak itu dikeluarkan oleh Pengeluar yang mengambil bahagian.

**Pembelian Dilindungi:** item, selain daripada yang disenaraikan dalam Seksyen III Pengecualian, yang dibeli sepenuhnya dengan Kad Layak dan/atau telah diperolehi dengan mata daripada Program Ganjaran yang berkaitan dengan Kad Layak.

**Kad Layak:** Kad Kredit World Elit Mastercard yang dikeluarkan di dalam Wilayah

**Pemegang Kad Layak:** pemegang Kad dengan Kad Layak yang sah, terbuka dan dalam kedudukan yang baik (tidak dibatalkan, digantung atau delinkuen) pada masa tuntutan yang berhak untuk menerima bayaran atau apa-apa faedah lain sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Sijil Insurans Perlindungan Pembelian.

**Syarikat Insurans:** AIG Malaysia Insurance Berhad

**Pengeluar:** bank atau institusi kewangan atau entiti seumpamanya yang diberi kuasa oleh Mastercard untuk mengendalikan program kad Mastercard di Wilayah

**Had Setiap Kejadian:** jumlah maksimum manfaat yang ditawarkan di bawah Insurans Perlindungan Pembelian bagi apa-apa Pembelian Dilindungi yang tunggal.

**Wilayah:** Malaysia.

**Kecurian:** perbuatan yang menyalahi undang-undang dengan mengambil Pembelian Dilindungi yang dimiliki oleh Orang yang Diinsuranskan, tanpa persetujuan mereka, dengan niat untuk menafikan mereka daripada nilai Pembelian Dilindungi.

#### SEKSYEN II PERLINDUNGAN

Syarikat insurans akan membayar untuk kehilangan Pembelian Dilindungi yang disebabkan Kerosakan akibat Kemalangan atau Kecurian, yang berlaku dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh pembelian seperti yang dinyatakan pada resit kedai, sehingga Had Setiap Kejadian, dan tertakluk kepada Had Agregat Tahunan setiap Pemegang Kad.

- Pembelian Dilindungi yang diberikan sebagai hadiah adalah dilindungi.
- Pembelian Dilindungi termasuk pembelian menerusi internet.
- Pembelian Dilindungi tidak perlu didaftarkan.

#### SEKSYEN III PENGECUALIAN

Pelan insurans tidak menyediakan perlindungan untuk mana-mana perkara yang berikut:

1. apa-apa kenderaan bermotor, kapal terbang, bot, kereta dan motosikal dan apa-apa kelengkapan, alat ganti atau aksesori;
2. lekapan kekal, termasuk tetapi tidak terhad kepada permaidani, lantai, jubin, penyaman udara, peti sejuk, atau alat pemanas;
3. cek perjalanan, wang tunai, apa jua jenis tiket, instrumen boleh

niaga, emas, syiling atau setem yang jarang ditemui atau berharga;

4. lukisan, barang antik, barangan koleksi, bulu, barang kemas, permata dan batu berharga;
5. isian semula atau bahan mudah rosak;
6. tumbuhan atau haiwan;
7. akses ke laman web internet, aplikasi mudah alih, perisian atau fail data yang dimuat turun dari internet termasuk tetapi tidak terhad kepada fail muzik, foto, bahan bacaan, buku dan filem; atau pengembalian semula atau pemulihannya;
8. item terpakai, dibina semula, diubahsuai, atau dibuat semula pada masa pembelian;
9. item yang disewa atau dipajak; item yang dibeli untuk dijual semula, untuk kegunaan profesional, atau kegunaan komersial;
10. kos perkhidmatan, penghantaran, pengendalian, pemasangan atau memasang;
11. apa-apa kerugian kepada barangan yang anda beli dalam talian sebelum anda menerima barangan tersebut;
12. item rosak akibat perubahan (termasuk memotong, menggergaji dan membentuk);
13. item ditinggalkan tanpa jagaan di tempat di mana orang ramai mempunyai akses;
14. kerugian yang disebabkan oleh penyalahgunaan, kerosakan yang disengajakan, kutu dan serangan serangga, haus dan lusuh, kerosakan produk sedia ada, kegagalan mekanikal atau elektrik, reaksi nuklear, biologi atau kimia, keganasan atau peperangan.

#### SEKSYEN IV SYARAT-SYARAT

- 1) Adalah tertakluk kepada budi bicara syarikat insurans untuk membuat keputusan sama ada item akan dibaiki atau diganti, atau untuk membayar balik harga pembelian asal selepas ditolak rebat, diskaun atau mata ganjaran.
- 2) Pembelian Dilindungi secara sepasang atau set adalah terhad kepada kos pembaikan atau penggantian item tertentu jika ia boleh dibaiki atau diganti; jika tidak, nilai pasangan atau set item tersebut akan dilindungi, tidak melebihi Had Setiap Kejadian.

#### SEKSYEN V PERUNTUKAN SERAGAM

**1. Notis Tuntutan:** Notis bertulis mengenai tuntutan mesti diberikan tidak lewat dari tiga puluh (30) hari dari tarikh kejadian. Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh (30) hari dari tarikh kejadian boleh mengakibatkan penafian tuntutan. Untuk memfailkan tuntutan, log masuk ke <https://my.mycardbenefits.com> atau hantar pemberitahuan tuntutan kepada:

##### AIG Malaysia Insurance Berhad

Jabatan Tuntutan

Tingkat 18, Menara Worldwide

198, Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur

Tel: 1800-18-3333

Versi Bahasa: Bahasa Inggeris/Bahasa Malaysia

Waktu Operasi Pusat Panggilan: 9.00 pg hingga 5.00 ptg Isnin hingga Jumaat (kecuali Cuti Umum)

Email: [APAC.Mastercard@aig.com](mailto:APAC.Mastercard@aig.com) / [MY.Mastercard@aig.com](mailto:MY.Mastercard@aig.com)

#### 2. Bukti kehilangan:

Pemegang kad mestilah mengemukakan:

- a) borang tuntutan yang ditandatangani, jika disediakan;
- b) salinan resit pembelian yang menunjukkan bayaran item telah dibuat sepenuhnya dengan Kad Layak;
- c) Bagi tuntutan kecurian, salinan rasmi laporan polis dalam masa sembilan puluh (90) hari dari tarikh kejadian;
- d) Bagi tuntutan kerosakan, salinan rasmi anggaran pembaikan;

e) Penyata akaun Pemegang Kad yang menunjukkan akaun adalah terbuka dan dalam kedudukan baik pada masa tuntutan difailkan.

**\*Pemegang Kad mungkin dikehendaki menghantar item yang rosak, pada perbelanjaan mereka, untuk penilaian lanjut tuntutan.**

**3. Pembayaran Tuntutan:** Semua bayaran yang akan dibuat oleh **AIG Malaysia Insurance Berhad** akan dibayar kepada Pemegang Kad Layak di dalam Wilayah. Pembayaran apa-apa indemniti adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan-peraturan kerajaan yang berkuatkuasa di negara pembayaran.

**4. Tuntutan Palsu:** Jika tuntutan didapati palsu, semua manfaat berkenaan dengan tuntutan akan dilucuthakkan.

**5. Undang-undang dan Bidang Kuasa:** Insurans perlindungan pembelian ini, kelayakan dan mana-mana terma dan syarat padanya akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia. Apa-apa pertikaian akan tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah Malaysia yang layak.

**6. Sekatan: Syarikat** tidak boleh disifatkan sebagai menyediakan perlindungan dan **Syarikat** tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau menyediakan apa-apa manfaat di bawah ini setakat yang diperuntukkan oleh perlindungan berkenaan, bayaran tuntutan tersebut atau peruntukan manfaat tersebut akan mendedahkan Syarikat, syarikat induk Syarikat atau entiti kawalan utama terhadap apa-apa sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Bangsa-bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah atau Amerika Syarikat.

**7. Pematuhan Peruntukan Polisi:** Kegagalan untuk mematuhi mana-mana peruntukan yang terkandung dalam polisi ini akan membatalkan semua tuntutan di bawah ini.

**8. Klausula Timbang Tara:**

(a) Apa-apa pertikaian, perbezaan atau soalan yang mungkin timbul pada bila-bila masa selepas ini antara Syarikat dan Pemegang Polisi dan/atau Pemegang Kad atau wakil yang sah berkaitan dengan tafsiran polisi atau hak atau liabiliti pihak-pihak kepada perjanjian ini hendaklah diselesaikan melalui timbang tara. Polisi ini hendaklah tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah Malaysia dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

(b) Timbang tara hendaklah didengar oleh seorang penimbang tara, yang mana pelantikannya hendaklah menurut dan tertakluk kepada peruntukan Akta Timbang Tara Malaysia 2005 atau mana-mana pengubahsuaian statutori atau enakmen semula yang berkuat kuasa pada masa itu.

**9. Kebenaran Menggunakan Data Peribadi:** Pemegang Polisi dan/atau Pemegang Kad disifatkan sebagai telah membaca, memahami, dan membenarkan maklumat peribadi Pemegang Polisi dan/atau Pemegang Kad dikumpul dan selanjutnya diproses oleh Syarikat (sama ada diperoleh semasa proses permohonan atau pentadbiran polisi ini) menurut Notis Kerahsiaan Syarikat sebagaimana yang diterbitkan dari semasa ke semasa di laman web Syarikat di <http://www.aig.my/privacy-notice>, satu salinan yang juga telah diberikan kepada Pemegang Polisi.

Jika Pemegang Polisi dan/atau Pemegang Kad menghantar maklumat berkaitan individu lain, Pemegang Polisi dan/atau Pemegang Kad selanjutnya mewakili dan memberi jaminan bahawa Pemegang Polisi dan/atau Pemegang Kad mempunyai kuasa untuk menyediakan maklumat berkaitan individu lain kepada Syarikat, bahawa Pemegang Polisi dan/atau Pemegang Kad telah memaklumkan individu lain mengenai tujuan maklumat peribadi mereka dikumpul, diguna dan didedahkan, juga pihak-pihak yang menerima maklumat peribadi berkenaan yang didedahkan oleh Syarikat, dan bahawa individu lain

bersetuju dan memberi kebenaran bahawa Syarikat boleh mengumpul, mengguna dan memproses maklumat peribadi menurut Notis Kerahsiaan Syarikat.

**10. Kewajipan Pendedahan.** Pemegang Polisi dan/atau Pemegang Kad mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya untuk tidak membuat salah nyata dalam menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan atau semasa membuat permohonan insurans ini, untuk menjawab semua soalan dengan lengkap dan tepat dan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang diketahui oleh Pemegang Polisi dan/atau Pemegang Kad sebagai berkaitan dengan Syarikat dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak digunapakai, jika tidak, ia boleh menyebabkan pembatalan polisi, tuntutan ditolak atau dikurangkan, perubahan terma atau penamatan polisi. Kewajipan pendedahan ini hendaklah diteruskan sehingga waktu polisi dibuat, diubah atau diperbaharui. Pemegang Polisi juga mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada Syarikat dengan segera jika pada bila-bila masa selepas polisi dibuat, diubah atau diperbaharui dengan Syarikat, mana-mana maklumat yang diberikan semasa Pemegang Polisi memohon Polisi didapati tidak tepat atau telah berubah.

**11. Cukai Perkhidmatan ("CP").** Jumlah Premium yang perlu dibayar oleh anda untuk Polisi ini termasuk amaun yang dikenakan CP yang telah dibayar oleh anda. CP merujuk kepada sebarang cukai perkhidmatan, cukai nilai tambah, cukai barangan dan perkhidmatan, cukai penggunaan, atau cukai, duti, caj atau pengenaan yang serupa dengan apa jua nama yang diketahui, yang dari masa ke semasa dikenakan atau dikenakan bayaran (termasuk apa-apa kenaikan atau berkurangan kepada kadar) oleh mana-mana pihak berkuasa cukai kompeten.

**Kenyataan**

Menurut Perenggan 5 pada Jadual 9 dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika **Anda** membuat permohonan Insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** mempunyai kewajipan untuk mengamalkan langkah berjaga-jaga yang sewajarnya untuk tidak membuat salah nyata dalam menjawab soalan semasa memohon insurans ini. **Anda** mesti menjawab soalan semasa memohon insurans ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah berjaga-jaga sewajarnya dalam menjawab soalan boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans **Anda**, tuntutan **Anda** ditolak atau dikurangkan, perubahan terma dan penamatan kontrak insurans **Anda**.

Kewajipan pendedahan di atas hendaklah berterusan sehingga waktu kontrak insurans **Anda** dibuat, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**.

Selain daripada menjawab soalan semasa memohon insurans ini, **Anda** dikehendaki mendedahkan apa-apa perkara lain yang **Anda** tahu sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan digunapakai.

**Anda** juga mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada **Kami** dengan segera jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Anda** dibuat, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, mana-mana maklumat yang diberi semasa memohon insurans ini didapati tidak tepat atau telah berubah.

Jika **Anda** memerlukan maklumat tambahan mengenai polisi ini atau ingin mendapatkan salinan polisi utama, sila hubungi melalui surat menyurat kepada:

**AIG Malaysia Insurance Berhad (795492-W)**  
Tingkat 18, Menara Worldwide  
198, Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur

**BAHAGIAN B**  
**PERLINDUNGAN PEMBELIAN E-DAGANG**  
**TERMA & SYARAT**

**SEKSYEN I            DEFINISI AM**

Istilah dengan maksud tertentu didefinisikan di bawah ini dan mempunyai maksud yang disertakan di mana-mana ia muncul dengan cetakan huruf besar pada huruf awalnya.

**Akaun bank** bermaksud apa-apa akaun untuk kegunaan peribadi, dengan bank atau institusi kewangan, yang mana pemegang akaun boleh menyimpan dan mengeluarkan duit, atau, melakukan transaksi cek.

**Akaun kredit** bermaksud apa-apa pengaturan kredit, daripada institusi kewangan yang layak, untuk kegunaan peribadi, seperti akaun kad kredit atau akaun pinjaman kereta/rumah.

**Akta Pengganas:** penggunaan atau ancaman penggunaan kekerasan atau keganasan terhadap individu atau harta, atau pelakuan suatu perbuatan berbahaya terhadap nyawa manusia atau harta, atau pelakuan suatu perbuatan yang mengganggu atau menggendalakan sistem elektronik atau komunikasi, yang dilakukan oleh mana-mana individu atau kumpulan, sama ada atau tidak bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi, kerajaan, kuasa, pihak berkuasa atau kuasa tentera, yang mana pelaksanaannya adalah untuk menakutkan, memaksa atau membahayakan kerajaan, orang awam atau mana-mana bahagian daripada itu, atau mengganggu mana-mana bahagian ekonomi. Keganasan juga hendaklah termasuk apa-apa perbuatan yang disahkan atau dikenal pasti sebagai satu tindakan keganasan oleh kerajaan di mana peristiwa itu berlaku.

**Anda** bermaksud penerima manfaat daripada perlindungan insurans.

**Barangan:** Barang-barang, selain daripada yang disenaraikan dalam Pengecualian Perlindungan di bawah, yang dibeli sepenuhnya menggunakan Kad Layak dan/atau telah diperolehi dengan mata yang dikumpul melalui program ganjaran yang berkaitan dengan Kad Layak.

**Bencana Alam:** bermaksud banjir, ribut, kilat, kebakaran, letupan, tanah runtuh, letusan gunung berapi, gempa bumi dan / atau tsunami.

**Had Agregat Tahunan:** amaun maksimum bagi setiap Pemegang Kad di bawah tanggungjawab Syarikat semasa Tempoh Polisi.

**Hilang** bermaksud tidak lagi dalam pemilikan Pemegang Kad kerana telah (i) secara tidak sengaja tersalah letak, atau, (ii) di tempat yang tidak dapat ditebus.

**Kad Layak:** Kad Kredit Elit Mastercard World yang dikeluarkan di dalam Wilayah.

**Kami** bermaksud syarikat yang menyediakan insurans ini – **AIG Malaysia Insurance Berhad**

**Kepunyaan Anda** bermaksud pemilikan atau perkaitan dengan **Anda**.

**Kerosakan:** barang-barang yang tidak boleh berfungsi seperti sepatutnya kerana bahagian-bahagian yang rosak atau kegagalan bahan atau struktur yang disebabkan oleh kemalangan.

**Lebihan:** sumbangan kewangan yang perlu dibayar oleh **Anda** untuk tuntutan yang **Anda** buat pada Polisi ini.

**Pecah Masuk** bermaksud pengambilan harta **Anda** dengan cara yang menyalahi undang-undang, atau cubaan melakukannya, oleh individu atau kumpulan individu yang memasuki kediaman utama **Anda** secara haram, menggunakan kekerasan atau keganasan, dengan tanda-tanda kemasukan dengan kekerasan yang nyata.

**Pembayaran:** bayaran yang perlu dibuat di bawah terma dan syarat

Polisi ini oleh Syarikat.

**Pembelian Dilindungi** bermaksud Barangan yang dibeli melalui internet.

**Pemegang Kad Layak:** pemegang Kad dengan Kad Layak yang layak untuk menerima bayaran atau manfaat lain seperti yang disediakan dalam Polisi ini.

**Pemegang Kad:** semua individu yang telah dikeluarkan Kad Layak kepada mereka, termasuk pemegang kad kedua atau tambahan atas akaun yang sama, di dalam Wilayah di mana Kad Layak berkenaan dikeluarkan oleh Pengeluar yang mengambil bahagian.

**Pemegang Polisi** hendaklah merujuk kepada Mastercard Asia / Pacific Pte. Ltd.

**Pengeluar:** bank atau institusi kewangan atau entiti seumpamanya yang diberi kuasa oleh Mastercard untuk mengendalikan program kad Mastercard di Wilayah

**Per Had Kejadian:** Jumlah maksimum yang perlu dibayar di bawah Polisi ini untuk mana-mana kejadian kerugian yang dilindungi.

**Perang:** mana-mana peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan atau apa-apa aktiviti seakan peperangan, termasuk penggunaan kuasa tentera oleh mana-mana negara berdaulat untuk mencapai matlamat ekonomi, geografi, semangat kebangsaan, politik, kaum, agama atau lain-lain.

**Perniagaan** bermaksud (i) perdagangan, profesion atau pekerjaan termasuk yang dijalankan secara sepenuh masa, separuh masa atau sekali-sekala, atau, (ii) apa-apa aktiviti yang dibenarkan yang mana melibatkan seseorang untuk wang atau pampasan lain.

**Polisi:** kontrak insurans ini.

**Program Ganjaran:** satu program yang ditawarkan oleh Pengeluar yang membolehkan Pemegang Kad untuk memperoleh nilai (mata, wang tunai, dan lain-lain) dan menebus ganjaran (barangan, pelancongan, dan lain-lain) melalui Kad Layak.

**Syarikat:** **AIG Malaysia Insurance Berhad**

**Wilayah:** Malaysia.

**SEKSYEN II            PERLINDUNGAN**

Tertakluk kepada perlindungan, had dan syarat yang dinyatakan dalam jadual polisi, Kami akan melindungi **Anda** di bawah Perlindungan Pembelian e-Dagang untuk pembelian dalam talian global **Anda**, dan membayar semula kepada **Anda** bagi yang berikut:

- a. Tiada penghantaran dan / atau penghantaran yang tidak lengkap bagi Barangan dan caj penghantaran, yang dibeli di Internet: Barang yang tidak dihantar diinsuranskan jika Barangan masih belum dihantar dalam tempoh 30 hari dari tarikh penghantaran yang dijadualkan, kecuali jika sebaliknya dinyatakan oleh penjual, tarikh dan Penjual telah gagal untuk membayar semula kepada **Anda** ke kad kredit atau debit **Anda** dalam tempoh 60 hari dari tarikh penghantaran sepatutnya, melebihi insurans lain yang berkenaan.
- b. Kegagalan fungsi Barangan disebabkan oleh kerosakan Barangan yang dihantar: Barangan yang dihantar diinsuranskan terhadap kegagalan fungsi akibat daripada kerosakan fizikal jika penjual atau pengirim telah gagal untuk membayar semula kepada **Anda** ke kad kredit atau debit **Anda** dalam tempoh 60 hari dari tarikh penghantaran, yang melebihi insurans lain yang berkenaan.

Sekiranya terdapat tuntutan yang sah, **Kami** akan membayar kepada **Anda** harga pembelian bagi setiap barang dalam pembelian **Anda**, sehingga mencapai jumlah yang dinyatakan dalam jadual polisi.

### SEKSYEN III PENGECUALIAN

Polisi ini tidak menyediakan perlindungan untuk mana-mana daripada yang berikut:

Kami tidak akan membayar apa-apa tuntutan, perbelanjaan atau kerugian di bawah seksyen ini berkaitan dengan:

- a. rampasan yang sah oleh Polis, Agensi Kerajaan, Mahkamah atau pihak berkuasa lain yang diberi kuasa;
- b. apa-apa perbuatan penipuan atau sengaja oleh **Anda**;
- c. mana-mana kenderaan bermotor kapal terbang, bot, kereta dan motosikal dan apa-apa kelengkapan, bahagian atau aksesori;

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan di bawah Seksyen ini untuk kegagalan penghantaran atau berkaitan dengan:

- a. nyawa haiwan atau pertumbuhan tanaman;
- b. wang tunai, jongkong emas, instrumen rundingan, saham, cek kembara, atau apa-apa jenis tiket (termasuk tetapi tidak terhad kepada tiket untuk acara sukan dan hiburan, dan perjalanan);
- c. barangan guna habis atau mudah rosak (termasuk tetapi tidak terhad kepada makanan, bunga, minuman, ubat-ubatan, makanan tambahan nutrisi);
- d. kenderaan bermotor, motosikal atau motor skuter, kapal, pesawat udara dan apa-apa kelengkapan dan / atau bahagian yang diperlukan untuk operasi dan / atau penyelenggaraan;
- e. Barangan yang dibeli untuk kegunaan komersial termasuk barang-barang yang dibeli untuk dijual semula atau peralatan perdagangan atau profesion;
- f. Akses ke laman web Internet, aplikasi mudah alih, perisian atau fail data yang dimuat turun dari Internet termasuk fail muzik, gambar, bahan bacaan, buku-buku dan filem;
- g. perkhidmatan yang disediakan melalui Internet seperti tiket panggung wayang, tiket penerbangan, tempahan hotel, sewa kereta, nasihat kewangan;
- h. Barangan yang dibeli daripada orang sebenar sama ada melalui transaksi peribadi atau laman web lelongan dalam talian.
- i. Barangan palsu atau tiruan
- j. kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh bencana alam, keadaan atmosfera atau iklim, haus dan lusuh, susut nilai, kemerosotan berperingkat, air, pencemaran atau kontaminasi dalam apa jua bentuk, kecacatan atau keburukan pembuatan sedia ada, haiwan perosak, serangga, anai-anai, kulat, reput basah atau kering, bakteria, karat, pembersihan, servis, penyelenggaraan, pelarasan atau pembaikpulihan;
- k. kerugian akibat kegagalan mekanikal, kegagalan elektrik; perisian atau kegagalan data;
- l. kehilangan data;
- m. Barangan yang dibeli untuk dijual semula atau barangan yang telah digunakan, barangan rosak atau barang-barang terpakai pada masa pembelian;
- n. kelengkapan rumah dan / atau lekapan perniagaan, termasuk tetapi tidak terhad kepada karpet, lantai dan / atau jubin, penyaman udara, peti sejuk, atau pemanas;
- o. Barang yang digunakan untuk, atau bertujuan digunakan untuk, komersial, runcit dan / atau sewa harta, atau tujuan perniagaan lain;
- p. barang-barang yang telah **Anda** sewa atau pajak;
- q. barang-barang yang telah, pada masa pembelian, digunakan,

dibina semula, diubahsuai, atau dihasilkan semula;

- r. barangan seni, antik, senjata api dan barangan yang dikumpul;
- s. bulu binatang, jam tangan, barang kemas, permata, batu permata dan barang yang diperbuat daripada atau mengandungi emas (atau logam berharga lain dan / atau batu permata);
- t. kos atau caj yang tidak berkaitan dengan mana-mana pembelian, yang **Anda** bayar kerana menggunakan kad kredit **Anda**;
- u. salah letak;
- v. kehilangan misteri; atau
- w. barangan yang disifatkan sebagai menyalahi undang-undang oleh pihak berkuasa kerajaan tempatan.

### SEKSYEN IV SYARAT

Untuk layak menerima perlindungan di bawah seksyen Perlindungan Pembelian e-Dagang, syarat yang berikut mestilah dipenuhi atau berlaku.

1. Alamat penghantaran untuk Barangan mestilah ditujukan ke alamat pos **Anda** di Malaysia.
2. Nombor penjejakan penghantaran mesti disertakan dan disediakan oleh penjual Barangan atau syarikat pengangkutan yang ditetapkan.
3. **Anda** mestilah mengambil semua tindakan yang sewajarnya diperlukan untuk mendapatkan penjual mengganti Barangan atau membayar balik amaun pembelian kepada **Anda**. **Anda** mesti memaklumkan kepada Penjual secara bertulis (termasuk melalui emel) dan melalui pos berdaftar mengenai kegagalan penghantaran Barangan dan mesti menuntut penggantian Barangan atau bayaran balik sepenuhnya tetapi Penjual gagal membuat penghantaran Barangan yang diganti atau menjelaskan bayaran balik.
4. Sekiranya tuntutan kerana kegagalan penghantaran dibayar kepada **Anda**, dan Barangan asal akhirnya sampai, **Anda** hendaklah membayar semula apa-apa indemniti yang diterima kepada Kami.
5. Sekiranya tuntutan dihantar kerana kekurangan atau kegagalan fungsi yang disebabkan oleh kerosakan pada Barangan yang dihantar – **Anda** hendaklah memaklumkan kepada penjual Barangan dan **Kami** dalam masa 48 jam.
6. **Anda** akan memberikan kerjasama kepada **Kami** dan membantu **Kami** untuk menguatkuasakan mana-mana hak undang-undang yang mungkin perlu bagi **Anda** atau **Kami** berhubung dengan tuntutan **Anda**.

### SEKSYEN V PERUNTUKAN SERAGAM

**1. Notis Tuntutan:** Notis tuntutan secara bertulis mesti dikemukakan tidak lewat dari tiga puluh (30) hari dari tarikh kejadian. Kegagalan untuk menyerahkan notis dalam masa (30) hari dari tarikh kejadian boleh menyebabkan penafian tuntutan. Untuk memfailkan tuntutan, log masuk ke <https://my.mycardbenefits.com> atau hantar pemberitahuan tuntutan kepada:

#### AIG Malaysia Insurance Berhad

Jabatan Tuntutan

Tingkat 18, Menara Worldwide

198, Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur

Tel: 1800-18-3333

Versi Bahasa: Bahasa Inggeris/Bahasa Malaysia

Waktu Operasi Pusat Panggilan: 9.00 pg hingga 5.00 ptg Isnin hingga Jumaat (kecuali Cuti Umum)

Email: [APAC.Mastercard@aig.com](mailto:APAC.Mastercard@aig.com) / [MY.Mastercard@aig.com](mailto:MY.Mastercard@aig.com)

#### **2. Bukti Kerugian:**

Pemegang kad mesti mengemukakan dokumen berikut kepada Syarikat:

- a. borang tuntutan yang ditandatangani, jika disediakan;

- b. Penyata akaun pemegang kad atau salinan resit pembelian yang menunjukkan bayaran Pembelian Dilindungi yang telah dibuat sepenuhnya dengan Kad Layak;

**3. Bayaran Tuntutan:** Semua bayaran yang perlu dibuat oleh **AIG Malaysia Insurance Berhad** akan dibayar kepada Pemegang Kad Layak di dalam Wilayah dalam Ringgit Malaysia. Bayaran apa-apa indemniti hendaklah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan kerajaan yang berkuatkuasa di negara pembayaran.

**4. Tuntutan Palsu:** Jika tuntutan dalam apa jua keadaan didapati sebagai palsu, semua bayaran berkenaan dengan tuntutan tersebut akan dibatalkan.

**5. Undang-undang dan Bidang Kuasa:** Polisi ini hendaklah tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah Malaysia dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

**6. Sekatan: Syarikat** tidak boleh disifatkan sebagai menyediakan perlindungan dan **Syarikat** tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau menyediakan apa-apa manfaat di bawah ini setakat yang diperuntukkan oleh perlindungan berkenaan, bayaran tuntutan tersebut atau peruntukan manfaat tersebut akan mendedahkan Syarikat, syarikat induk Syarikat atau entiti kawalan utama terhadap apa-apa sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Bangsa-bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah atau Amerika Syarikat.

**7. Pematuhan Peruntukan Polisi:** Kegagalan untuk mematuhi mana-mana peruntukan yang terkandung dalam polisi ini akan membatalkan semua tuntutan di bawah ini.

**8. Klausula Timbang Tara:**

(a) Apa-apa pertikaian, perbezaan atau soalan yang mungkin timbul pada bila-bila masa selepas ini antara Syarikat dan Pemegang Polisi dan/atau Pemegang Kad atau wakil yang sah berkaitan dengan tafsiran polisi atau hak atau liabiliti pihak-pihak kepada perjanjian ini hendaklah diselesaikan melalui timbang tara. Polisi ini hendaklah tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah Malaysia dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

(b) Timbang tara hendaklah didengar oleh seorang penimbang tara, yang mana pelantikannya hendaklah menurut dan tertakluk kepada peruntukan Akta Timbang Tara Malaysia 2005 atau mana-mana pengubahsuaian statutori atau enakmen semula yang berkuat kuasa pada masa itu.

**9. Kebenaran Menggunakan Data Peribadi:** Pemegang Polisi dan/atau Pemegang Kad disifatkan sebagai telah membaca, memahami, dan membenarkan maklumat peribadi Pemegang Polisi dan/atau Pemegang Kad dikumpul dan selanjutnya diproses oleh Syarikat (sama ada diperoleh semasa proses permohonan atau pentadbiran polisi ini) menurut Notis Kerahsiaan Syarikat sebagaimana yang diterbitkan dari semasa ke semasa di laman web Syarikat di <http://www.aig.my/privacy-notice>, satu salinan yang juga telah diberikan kepada Pemegang Polisi.

Jika Pemegang Polisi dan/atau Pemegang Kad menghantar maklumat berkaitan individu lain, Pemegang Polisi dan/atau Pemegang Kad selanjutnya mewakili dan memberi jaminan bahawa Pemegang Polisi dan/atau Pemegang Kad mempunyai kuasa untuk menyediakan maklumat berkaitan individu lain kepada Syarikat, bahawa Pemegang Polisi dan/atau Pemegang Kad telah memaklumkan individu lain mengenai tujuan maklumat peribadi mereka dikumpul, diguna dan didedahkan, juga pihak-pihak yang menerima maklumat peribadi berkenaan yang didedahkan oleh Syarikat, dan bahawa individu lain bersetuju dan memberi kebenaran bahawa Syarikat boleh mengumpul, mengguna dan memproses maklumat peribadi menurut

Notis Kerahsiaan Syarikat.

**10. Kewajipan Pendedahan.** Pemegang Polisi dan/atau Pemegang Kad mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya untuk tidak membuat salah nyata dalam menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan atau semasa membuat permohonan insurans ini, untuk menjawab semua soalan dengan lengkap dan tepat dan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang diketahui oleh Pemegang Polisi dan/atau Pemegang Kad sebagai berkaitan dengan Syarikat dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak digunapakai, jika tidak, ia boleh menyebabkan pembatalan polisi, tuntutan ditolak atau dikurangkan, perubahan terma atau penamatan polisi. Kewajipan pendedahan ini hendaklah diteruskan sehingga waktu polisi dibuat, diubah atau diperbaharui. Pemegang Polisi juga mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada Syarikat dengan segera jika pada bila-bila masa selepas polisi dibuat, diubah atau diperbaharui dengan Syarikat, mana-mana maklumat yang diberikan semasa Pemegang Polisi memohon Polisi didapati tidak tepat atau telah berubah.

**11. Cukai Perkhidmatan ("CP").** Jumlah Premium yang perlu dibayar oleh anda untuk Polisi ini termasuk amaun yang dikenakan CP yang telah dibayar oleh anda. CP merujuk kepada sebarang cukai perkhidmatan, cukai nilai tambah, cukai barangan dan perkhidmatan, cukai penggunaan, atau cukai, duti, caj atau pengenaan yang serupa dengan apa jua nama yang diketahui, yang dari masa ke semasa dikenakan atau dikenakan bayaran (termasuk apa-apa kenaikan atau berkurangan kepada kadar) oleh mana-mana pihak berkuasa cukai kompeten.

**Kenyataan**

Menurut Perenggan 5 pada Jadual 9 dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika **Anda** membuat permohonan Insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** mempunyai kewajipan untuk mengamalkan langkah berjaga-jaga yang sewajarnya untuk tidak membuat salah nyata dalam menjawab soalan semasa memohon insurans ini. **Anda** mesti menjawab soalan semasa memohon insurans ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah berjaga-jaga sewajarnya dalam menjawab soalan boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans **Anda**, tuntutan **Anda** ditolak atau dikurangkan, perubahan terma dan penamatan kontrak insurans **Anda**.

Kewajipan pendedahan di atas hendaklah berterusan sehingga waktu kontrak insurans **Anda** dibuat, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**.

Selain daripada menjawab soalan semasa memohon insurans ini, **Anda** dikehendaki mendedahkan apa-apa perkara lain yang **Anda** tahu sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan digunapakai.

**Anda** juga mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada **Kami** dengan segera jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Anda** dibuat, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, mana-mana maklumat yang diberi semasa memohon insurans ini didapati tidak tepat atau telah berubah.

Jika **Anda** memerlukan maklumat tambahan mengenai polisi ini atau ingin mendapatkan salinan polisi utama, sila hubungi melalui surat menyurat kepada:

**AIG Malaysia Insurance Berhad (795492-W)**  
Tingkat 18, Menara Worldwide  
198, Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur

## BAHAGIAN C

### INSURANS PERJALANAN

#### TERMA & SYARAT BAGI PEMEGANG KAD MALAYSIA

##### TERMA UMUM UTAMA DAN DEFINISI

**Kemalangan** bermaksud peristiwa fizikal yang berlaku secara tiba-tiba, tidak diduga, tidak terkawal dan tidak dijangka kepada Orang yang Diinsuranskan yang disebabkan oleh faktor luaran, keganasan dan dalam cara yang jelas, berlaku semasa Perjalanan yang Dilindungi.

**Had Agregat Tahunan** bermaksud jumlah maksimum manfaat bagi setiap Pemegang Kad yang tersedia sepanjang Tempoh Polisi.

**Pemegang Kad** bermaksud semua individu yang mana Kad Layak telah dikeluarkan kepadanya, termasuk pemegang kad kedua atau tambahan pada akaun yang sama, di Wilayah dan di mana Kad layak itu dikeluarkan oleh Pengeluar yang mengambil bahagian.

**Anak** atau **Anak-anak** bermaksud anak lelaki atau anak perempuan Pemegang Kad Layak, anak kandung, anak tiri dan anak yang mempunyai pertalian secara langsung dan secara biologi sebagai anak luar nikah yang berumur 6 bulan ke atas dan di bawah lapan belas (18) tahun (atau di bawah dua puluh tiga (23) tahun jika pelajar sepenuh masa), yang belum berkahwin dan bergantung sepenuhnya kepada Orang yang Diinsuranskan sebagai tanggungan.

**Pengangkutan Umum** bermaksud apa-apa aturan perjalanan darat, laut atau udara bagi lawatan yang dijadualkan, perjalanan atau pelayaran ke mana-mana lokasi pra-bayar dengan Kad Layak.

**Bandar Kediaman Tetap** bermaksud bandar di mana anda tinggal.

**Negara Kediaman Tetap** bermaksud negara di mana Anda sedang menetap dan mempunyai visa penduduk yang sah atau di mana Anda dilahirkan.

**Perjalanan Dilindungi:** bermaksud aturan perjalanan darat, laut atau udara Orang yang Diinsuranskan untuk lawatan yang dijadualkan, perjalanan atau pelayaran pra-bayar dengan Kad Layak yang bermula dari negara pengeluaran **Kad Layak**. Perjalanan Dilindungi adalah dari tarikh berlepas sehingga tarikh pulang yang terdapat pada tiket yang dibeli dengan Kad Layak tertakluk kepada maksimum 180 hari. Ini termasuklah perjalanan domestik yang dirancang dan pra-bayar yang melebihi 100 kilometer sahaja dari Bandar Kediaman Tetap Anda.

**Pembantu Rumah** bermaksud seorang pekerja sepenuh masa dengan permit kerja yang sah dan ditaja oleh Pemegang Kad di bawah suatu kontrak bertulis perkhidmatan domestik.

**Kad Layak** bermaksud Kad kredit World Elite Mastercard yang dikeluarkan dari semasa ke semasa di Malaysia.

**Pemegang Kad Layak** bermaksud Pemegang Kad yang berusia antara 18 tahun dan 69 tahun dengan Kad Layak yang sah, terbuka dan dalam kedudukan yang baik (tidak dibatalkan, digantung atau delinkuen) pada masa pembelian Perjalanan Dilindungi yang berhak untuk menerima bayaran atau apa-apa manfaat lain yang diperuntukkan dalam Polisi.

**Tempoh Berlebihan atau Boleh Ditolak** bermaksud amaun perbelanjaan atau bilangan hari bagi setiap Kehilangan yang dibayar oleh Anda sebelum Manfaat polisi menjadi boleh bayar.

**Keluarga** bermaksud Pasangan dan sehingga 3 orang anak.

**Hospital** bermaksud tempat yang:

1. mempunyai lesen yang sah (jika dikehendaki oleh undang-undang);
2. mengendalikan terutamanya bagi jagaan dan rawatan orang yang sakit atau cedera
3. mempunyai seorang staf atau lebih Pakar Perubatan pada setiap masa;

4. menyediakan perkhidmatan kejururawatan 24 jam dan mempunyai sekurang-kurangnya seorang jururawat profesional berdaftar yang bertugas pada setiap masa;
5. mempunyai sistem diagnosis dan kemudahan pembedahan, sama ada di premis atau di pusat kemudahan yang terdapat di Hospital atau asas yang tersusun; dan
6. bukan, kecuali secara kebetulan, klinik, rumah penjagaan, rumah rehat, atau rumah orang-orang tua, atau kemudahan yang dikendalikan sebagai pusat rawatan alkohol dan/atau dadah.

**Kecederaan** bermaksud kecederaan anggota badan yang disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh keganasan, tidak sengaja, faktor luaran dan cara yang jelas kelihatan yang terhasil secara langsung dan bebas daripada semua sebab lain yang berlaku semasa Perjalanan Dilindungi semasa Polisi berkuat kuasa dan yang memerlukan rawatan oleh pengamal perubatan berkelayakan dari segi undang-undang dan yang mengakibatkan Orang yang Diinsuranskan diperakui oleh pengamal perubatan sebagai tidak sihat untuk melakukan perjalanan atau meneruskan perjalanan asal mereka.

**Orang yang Diinsuranskan** bermaksud Pemegang Kad yang Layak atau individu(-individu) yang layak yang ditakrifkan sebagai layak di bawah peruntukan "Siapa yang Dilindungi" bagi setiap program di dalam panduan ini.

Polisi ini menawarkan perlindungan hanya kepada Pemegang Kad Layak yang lazimnya bermastautin di Malaysia di mana Kad Layak dikeluarkan.

**Kejadian yang Diinsuranskan** bermaksud suatu kejadian yang digariskan dalam Manfaat sebagai keadaan yang mana perlindungan disediakan untuknya yang berlaku semasa Perjalanan Dilindungi. Kejadian yang Diinsuranskan termasuk kejadian yang berlaku semasa tindakan Keganasan.

**Syarikat insurans/Kami** bermaksud Syarikat insurans yang perlu bertanggungjawab menyediakan Insurans Perjalanan untuk pemegang kad di dalam negara yang ditetapkan di bawah definisi Wilayah.

**Pengeluar bermaksud** bank atau institusi kewangan atau entiti seumpamanya yang diberi kuasa oleh Mastercard untuk mengendalikan program kad kredit atau debit Mastercard di Wilayah dan mengambil bahagian dalam Insurans Perjalanan yang ditawarkan kepada Pemegang Kad.

**Peristiwa Perjalanan Utama** bermaksud:

1. Bencana Alam;
2. epidemik atau pandemik pada tahap Fasa 4 atau lebih tinggi sepertimana yang diisytiharkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau yang mana amaran terhadap perjalanan tidak perlu dikeluarkan oleh kerajaan Malaysia atau kerajaan negara atau wilayah tempat Anda membuat perjalanan;
3. kemalangan perindustrian utama;
4. Kekacauan Awam, Rusuhan atau Kekecohan yang mengakibatkan pembatalan perkhidmatan Pengangkutan Umum yang dijadualkan atau dalam amaran kerajaan berkaitan terhadap perjalanan tidak perlu;
5. Mogok yang mengakibatkan pembatalan perkhidmatan Pengangkutan Umum yang dijadualkan; atau

mana-mana peristiwa yang membawa kepada penutupan ruang udara atau beberapa lapangan terbang

**Mastercard** bermaksud Mastercard Asia/Pacific Pte. Ltd, sebuah syarikat yang diuruskan di bawah undang-undang Singapura, dengan pejabat yang terletak di 3 Fraser Street, Duo Tower, Singapura 189352.

**Keperluan Perubatan** bermaksud perkhidmatan atau bekalan perubatan yang:

1. penting untuk diagnosis, rawatan; atau melindungi kerugian di bawah manfaat yang tergunapakai yang ditetapkan atau dilaksanakan;
2. memenuhi standard amalan perubatan yang diterima secara amnya; dan
3. diarahkan oleh Pakar Perubatan dan dilaksanakan di bawah jagaan, penyeliaan atau arahnya.

**Bencana Alam** bermaksud keadaan cuaca melampau (termasuk tetapi tidak terhad kepada taufan, puting beliung, siklon atau tornado), kebakaran, banjir, tsunami, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh atau kejutan alam semula jadi lain atau akibat daripada mana-mana kejadian yang dinyatakan di atas.

**Had Setiap Perlindungan** bermaksud amaun maksimum yang perlu dibayar di bawah mana-mana Perlindungan tunggal bagi setiap Pemegang Kad dalam Tempoh Polisi.

**Pakar perubatan** bermaksud seorang doktor perubatan atau doktor osteopati yang berlesen untuk memberi perkhidmatan perubatan atau melakukan pembedahan mengikut undang-undang negara di mana perkhidmatan profesional tersebut dilakukan, walau bagaimanapun, definisi tersebut tidak termasuk kiropraktor, ahli fisioterapi, pakar homeopati dan ahli naturopati.

**Polisi** bermaksud kontrak insurans dan apa-apa sokongan yang dilampirkan atau rider yang dikeluarkan kepada Mastercard.

**Keadaan Perubatan Sedia Ada** bermaksud keadaan yang mana penjagaan, rawatan atau nasihat perubatan telah disyorkan oleh atau diterima daripada Pakar Perubatan atau yang mula wujud atau

dihadapi dalam tempoh hingga 12 bulan sebelum Perjalanan Dilindungi.

**Sakit** bermaksud sakit atau apa-apa penyakit yang dihadapi dan/atau bermula semasa dalam Perjalanan Dilindungi yang memerlukan rawatan oleh pengamal perubatan berkeelayakan dari segi undang-undang dan yang mengakibatkan Orang yang Diinsuranskan diperakui oleh pengamal perubatan sebagai tidak sihat untuk melakukan perjalanan atau meneruskan perjalanan asal mereka.

**Pasangan** bermaksud suami atau isteri Pemegang Kad Layak yang sah yang berumur antara lapan belas (18) tahun sehingga enam puluh sembilan (69) tahun.

**Wilayah** bermaksud negara di mana Kad Layak dikeluarkan, dalam kes ini, Malaysia.

**Kelakuan Akibat Keganasan** bermaksud penggunaan atau ancaman kekerasan atau keganasan terhadap individu atau harta, atau perlakuan berbahaya terhadap nyawa atau harta manusia, atau perlakuan yang mengganggu sistem elektronik atau komunikasi, yang dilakukan oleh mana-mana individu atau kumpulan, sama ada atau tidak bertindak bagi pihak lain atau berkaitan dengan mana-mana organisasi, kerajaan, kuasa, autoriti atau kuasa tentera, yang mana kesannya adalah untuk menakut-nakutkan, memaksa atau membahayakan kerajaan, orang awam atau mana-mana bahagian daripadanya, atau mengganggu mana-mana bahagian ekonomi. Keganasan juga termasuk apa-apa perbuatan yang disahkan atau diiktiraf sebagai tindakan keganasan oleh kerajaan di mana peristiwa itu berlaku.

**Perang** bermaksud mana-mana perang yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan atau mana-mana aktiviti seperti perang, termasuk penggunaan kuasa tentera oleh mana-mana negara berdaulat untuk mencapai matlamat ekonomi, geografi, kebangsaan, politik, perkauman, agama atau lain-lain.

## KEMALANGAN PERJALANAN PENGANGKUTAN UMUM & INSURANS PERJALANAN DIINSURANSKAN

Pemegang Kad Layak boleh mendapat manfaat daripada perlindungan insurans komprehensif kemalangan perjalanan yang ditawarkan melalui Mastercard.

### 1. Definisi:

**Pendedahan dan Kehilangan** bermaksud jika Orang yang Diinsuranskan mengalami Kehilangan akibat daripada pendedahan yang tidak dapat dielakkan kepada unsur-unsur akibat Kemalangan yang dilindungi, ia akan dilindungi sepertimana yang disebabkan oleh Kecederaan. Jika tubuh Orang Yang Diinsuranskan tidak dijumpai dalam tempoh satu tahun selepas pendaratan kecemasan, terdampar, tenggelam atau ranapnya kenderaan yang mana Orang yang Diinsuranskan adalah penumpang, maka adalah disifatkan bahawa Orang yang Diinsuranskan telah kehilangan Nyawa.

**Anggota badan** bermaksud keseluruhan lengan atau keseluruhan kaki.

**Kehilangan** bermaksud:

- a. putus tangan atau kaki di atas pergelangan tangan atau sendi buku lali;
- b. mata bermaksud kehilangan penglihatan secara menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan;
- c. putus ibu jari dan jari telunjuk melalui atau pada atas sendi yang menghubungkan tangan pada telapak tangan;
- d. pertuturan atau pendengaran bermaksud kehilangan pertuturan atau pendengaran kedua-dua telinga secara menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan.

**Anggota** ditakrifkan sebagai satu tangan; satu kaki; penglihatan sebelah mata; pertuturan; atau pendengaran pada kedua-dua telinga.

**Manfaat Utama** bermaksud jumlah maksimum yang perlu dibayar untuk: kehilangan Nyawa akibat kemalangan; dua (2) atau lebih Anggota.

### 2. Siapa yang Dilindungi:

Pemegang Kad yang Layak, Pasangan, Anak-anak dan Pembantu Rumah, sama ada melakukan perjalanan bersama-sama atau secara berasingan.

### 3. Untuk Mendapatkan Perlindungan

Perlindungan disediakan secara automatik apabila kos keseluruhan penumpang Pengangkutan Umum telah dicaj kepada Kad Layak Anda dan/atau telah diperolehi dengan mata yang diperolehi daripada program ganjaran yang berkaitan dengan kad Anda (iaitu mata perbatuan untuk perjalanan).

### 4. Definisi Perlindungan:

#### KEMALANGAN PERJALANAN PENGANGKUTAN UMUM

Menyediakan perlindungan Insurans Kemalangan Perjalanan Pengangkutan Umum bagi Kematian Akibat Kemalangan, Pemotongan Anggota (termasuk kehilangan penglihatan, pertuturan & pendengaran) semasa perjalanan menaiki Pengangkutan Umum jika tiket dibeli dengan Kad Layak.

1. Manfaat Utama maksimum yang diperuntukkan bagi Perjalanan Dilindungi dengan Pengangkutan Umum adalah sehingga USD 500,000 bagi setiap individu (sub-had tergunapakai bagi



Pasangan, Anak-anak dan Pembantu Rumah, sila rujuk RINGKASAN PERLINDUNGAN untuk maklumat lanjut), untuk penerbangan antarabangsa.

- Manfaat Utama maksimum yang diperuntukkan bagi Perjalanan Dilindungi dengan Pengangkutan Umum adalah sehingga USD 100,000 bagi setiap individu (sub-had tergunapakai bagi Pasangan, Anak-anak dan Pembantu Rumah, sila rujuk RINGKASAN PERLINDUNGAN untuk maklumat lanjut), untuk penerbangan domestik di luar Bandar Kediaman Tetap Anda.
- Setiap perjalanan bermula apabila Orang yang Diinsuranskan menaiki Pengangkutan Umum bagi tujuan mengikuti perjalanan berkenaan dan berterusan sehingga masa di mana Orang yang Diinsuranskan turun (berlepas) dari Pengangkutan Umum tersebut.

#### Jadual Kehilangan:

Bagi Kehilangan:	Peratusan Manfaat Utama:
Nyawa	100%
Dua Anggota	100%
Satu Anggota	50%
Ibu jari dan Jari Telunjuk pada Tangan yang Sama	25%

#### KEMALANGAN PERJALANAN BAGI PERJALANAN DIINSURANSKAN

Menyediakan perlindungan Insurans Kemalangan Perjalanan bagi Perjalanan Diinsuranskan selepas Anda turun dari Pengangkutan Umum di destinasi perjalanan tersebut (seperti yang ditetapkan pada tiket penumpang), bagi Kematian Akibat Kemalangan, Pemetongan Anggota (termasuk kehilangan penglihatan, pertuturan & pendengaran), 24 jam/hari di seluruh dunia.

Perlindungan ini bertujuan untuk melengkapkan dan bukan menduplikasi perlindungan Insurans Kemalangan Perjalanan Pengangkutan Umum yang dinyatakan di atas.

- Manfaat Utama maksimum untuk Perjalanan Diinsuranskan adalah sehingga USD 150,000 bagi setiap individu (sub-had tergunapakai bagi Pasangan, Anak-anak dan Pembantu Rumah, sila rujuk RINGKASAN PERLINDUNGAN di atas untuk maklumat lanjut), untuk perjalanan antarabangsa.
- Manfaat Utama maksimum untuk Perjalanan Diinsuranskan sehingga USD 75,000 bagi setiap individu (sub-had tergunapakai bagi Pasangan, Anak-anak dan Pembantu Rumah, sila rujuk RINGKASAN PERLINDUNGAN di atas untuk maklumat lanjut),

untuk perjalanan domestik di luar Bandar Kediaman Tetap Anda.

- Perlindungan Perjalanan Diinsuranskan bermula apabila Anda turun dari (meninggalkan) Pengangkutan Umum semasa Perjalanan Dilindungi dan berakhir apabila Anda menaiki Pengangkutan Umum semasa Perjalanan Dilindungi, yang mana berlaku terlebih dahulu.
- Setiap perjalanan bermula apabila Orang yang Diinsuranskan menaiki Pengangkutan Umum bagi tujuan mengikuti perjalanan berkenaan dan berterusan sehingga masa di mana Orang yang Diinsuranskan turun (berlepas) dari Pengangkutan Umum berkenaan.

#### Jadual Kehilangan:

Bagi Kehilangan:	Peratusan Manfaat Utama:
Nyawa	100%
Dua Anggota	100%
Satu Anggota	50%
Ibu jari dan Jari Telunjuk pada Tangan yang Sama	25%

#### 5. Syarat Perlindungan/ Had:

- Kehilangan yang dilindungi mesti berlaku dalam tempoh 365 hari dari tarikh Kemalangan;
- Sekiranya Anda mengalami Kehilangan berganda akibat daripada Kemalangan yang sama, hanya satu (1) pembayaran, yang terbesar, akan dibayar;
- Perlindungan meliputi Pendedahan dan Kehilangan;
- Kehilangan yang disebabkan oleh atau akibat daripada Tindakan Keganasan (yang ditakrifkan di dalam ini) adalah termasuk;
- Apabila had 500,000 USD dicapai bagi setiap individu (sub-had tergunapakai bagi Pasangan, Anak-anak dan Pembantu Rumah, sila rujuk RINGKASAN PERLINDUNGAN di atas untuk maklumat lanjut), tiada bayaran selanjutnya dibuat bagi insurans Kemalangan Perjalanan & Perjalanan Diinsuranskan.

#### 6. Apa yang TIDAK Dilindungi oleh Kemalangan Perjalanan – Selain Pengecualian Am:

Polisi tidak melindungi apa-apa kehilangan, yang membawa maut atau tidak membawa maut, yang disebabkan oleh atau akibat daripada kehilangan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, pada keseluruhannya atau sebahagiannya oleh rawatan perubatan atau pembedahan kecuali sebagaimana yang perlu semata-mata akibat daripada Kecederaan.

### MANFAAT PERUBATAN PERJALANAN

Kami akan membayar caj yang munasabah dan biasa bagi Perbelanjaan Perubatan yang Dilindungi, bukan disebabkan oleh Keadaan Perubatan Sedia ada, yang dialami oleh Orang yang Diinsuranskan semasa perjalanan di luar Negara Kediaman Tetap Anda.

#### 1. Siapa yang Dilindungi

Pemegang Kad yang Layak, Pasangan, Anak-anak dan Pembantu Rumah, sama ada melakukan perjalanan bersama-sama atau secara berasingan dalam Perjalanan yang Dilindungi.

#### 2. Bagaimana untuk mendapatkan perlindungan

Perlindungan disediakan secara automatik apabila kos keseluruhan penumpang Pengangkutan Umum telah dicaj kepada Pemegang Kad Layak Anda; atau telah mendapat mata yang diperolehi daripada program ganjaran yang berkaitan dengan kad Anda (iaitu mata perbatuan untuk perjalanan).

#### 3. Ciri-ciri utama

- Perjalanan dilindungi bagi perjalanan di seluruh dunia.
- Perlindungan disediakan untuk Kecederaan atau Sakit, walaupun ia bukan kecemasan.
- Perlindungan Perbelanjaan Perubatan sehingga jumlah manfaat maksimum USD 500,000 bagi setiap individu (sub-had tergunapakai bagi Pasangan, Anak-anak dan Pembantu Rumah, sila rujuk RINGKASAN PERLINDUNGAN untuk maklumat lanjut).
- Tiada had bagi bilangan perjalanan.
- Perlindungan disediakan bagi kedua-dua jenis perjalanan sama ada sehalal atau pergi balik.
- Kehilangan dilindungi yang disebabkan oleh atau akibat daripada Tindakan Keganasan adalah dimasukkan.

#### PERBELANJAAN PERUBATAN

Jika Anda mengalami Kecederaan atau Sakit dan memerlukan rawatan perubatan semasa berada di luar Negara Kediaman Tetap

anda, manfaat disediakan untuk Perbelanjaan Perubatan Dilindungi. Perlindungan ini memberi manfaat maksimum sehingga USD 500,000 bagi setiap individu (sub-had tergunapakai bagi Pasangan, Anak-anak dan Pembantu Rumah, sila rujuk RINGKASAN PERLINDUNGAN untuk maklumat lanjut).

#### 1. Perbelanjaan Perubatan Dilindungi termasuk:

- Perkhidmatan Pakar Perubatan termasuk diagnosis, rawatan dan pembedahan oleh Pakar Perubatan;
- caj yang dikenakan oleh Hospital untuk bilik dan penginapan, perkhidmatan kejururawatan dan perkhidmatan lain, termasuk caj untuk perkhidmatan profesional, kecuali perkhidmatan peribadi yang bukan bersifat perubatan, dengan syarat, walau bagaimanapun, bahawa perbelanjaan tidak melebihi caj purata Hospital untuk bilik separa peribadi dan kemudahan penginapan;
- Anestetik (termasuk pemberian), pemeriksaan x-ray atau rawatan, dan ujian makmal, penggunaan radium dan isotip radioaktif, oksigen, pemindahan darah, paru-paru besi dan rawatan perubatan;
- Perkhidmatan ambulans;
- Kain kasa, dadah, ubat-ubatan dan perkhidmatan dan bekalan terapeutik yang hanya boleh diperolehi apabila mendapat preskripsi bertulis daripada Doktor atau pakar bedah;
- Rawatan Pergigian akibat daripada kecederaan yang dialami pada gigi asli yang sihat adalah tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak USD 100 bagi setiap gigi.

Caj untuk perkhidmatan yang disenaraikan di atas tidak termasuk apa-apa amaun caj berkenaan yang melebihi caj biasa dan lazim atau dikecualikan.

**Tetap dan Biasa** bermaksud caj bagi perkhidmatan dan bekalan yang mana caj tersebut dibuat jika ia tidak melebihi caj purata bagi perkhidmatan dan bekalan tersebut di kawasan di mana ia diterima, bergantung kepada sifat dan tahap keterukan Sakit atau Kecederaan yang berkaitan dengan perkhidmatan dan bekalan yang diterima tersebut.

Jika caj yang ditanggung melebihi caj purata berkenaan, jumlah lebihan tersebut tidak akan dikira sebagai perbelanjaan yang dilindungi. Semua caj hendaklah dianggap sebagai akan ditanggung pada tarikh perkhidmatan atau bekalan yang menimbulkan perbelanjaan atau caj yang diberikan atau diperolehi tersebut.

#### 2. Apa yang Tidak Dilindungi oleh "Perbelanjaan Perubatan" (Selain Pengecualian Am):

Sebagai tambahan kepada Pengecualian Am, manfaat "Perbelanjaan Perubatan" tidak akan dibayar bagi mana-mana kehilangan, sama ada membawa maut atau tidak membawa maut, yang disebabkan oleh atau akibat daripada:

- a. Keadaan Perubatan Sedia Ada, seperti yang ditakrifkan di dalam ini;
- b. perkhidmatan, bekalan atau rawatan, termasuk apa-apa tempoh penginapan di hospital, yang tidak disyorkan, diluluskan dan disahkan sebagai perlu dan munasabah oleh Pakar Perubatan;
- c. pemeriksaan fizikal yang rutin, diagnostik makmal, pemeriksaan sinar-x atau pemeriksaan lain, kecuali disebabkan suatu kecacatan di bawah rawatan Pakar Perubatan;
- d. Pembedahan elektif, kosmetik atau plastik, kecuali akibat daripada kemalangan;
- e. penjagaan gigi, kecuali akibat daripada kecederaan padagigi asli yang sihat yang disebabkan oleh kemalangan ketika Polisi ini berkuat kuasa;
- f. Perbelanjaan yang ditanggung berkaitan kaki yang lemah,

- g. tegang, atau tidak sama rata, kulit tebal, kemasu, atau kuku kaki;
- g. Diagnosis dan rawatan jerawat;
- h. Septum bengkok, termasuk sub mukus reseksi dan/atau pembedahan lain untuk membetulkannya;
- i. Pemindahan organ yang disifatkan sebagai eksperimen oleh ahli perubatan profesional yang kompeten;
- j. Penjagaan anak-anak termasuk pemeriksaan dan imunisasi;
- k. Perbelanjaan yang tidak semata-mata bersifat perubatan.
- l. Apa-apa perbelanjaan yang ditanggung dalam Negara Kediaman.
- m. Cermin mata, kanta sentuh, alat bantuan pendengaran, dan pemeriksaan bagi preskripsi atau padanannya, melainkan jika Kecederaan atau Sakit telah menyebabkan kemerosotan penglihatan atau pendengaran; atau
- n. Rawatan yang disediakan di hospital kerajaan atau perkhidmatan yang biasanya tidak dikenakan caj.
- o. Gangguan mental, saraf, atau emosi atau rehat pulih;
- p. Kehamilan dan semua keadaan yang berkaitan, termasuk perkhidmatan dan bekalan yang berkaitan dengan diagnosis atau rawatan ketidaksuburan atau masalah lain yang berkaitan dengan ketidakupayaan untuk hamil; pengawalan kelahiran, termasuk prosedur dan alatan pembedahan.

#### EVAKUASI PERUBATAN

1. Kami akan membayar sehingga manfaat gabungan maksimum sehingga USD 500,000 bagi setiap individu (sub-had tergunapakai bagi Pasangan, Anak-anak dan Pembantu Rumah, sila rujuk RINGKASAN PERLINDUNGAN untuk maklumat lanjut), untuk perbelanjaan yang dilindungi kerana evakuasi perubatan kecemasan atau Penghantaran Pulang Mayat jika ditanggung di luar Negara Kediaman Tetap Anda. Evakuasi Kecemasan mesti diarahkan oleh Jabatan Bantuan atau Pakar Perubatan yang memperakui bahawa tahap keterukan atau sifat Kecederaan atau Penyakit Anda dan menjamin Evakuasi Anda.

Perbelanjaan yang dilindungi adalah perbelanjaan bagi Pengangkutan dan rawatan perubatan, termasuk perkhidmatan perubatan dan bekalan perubatan yang perlu ditanggung berkaitan dengan Evakuasi Kecemasan Anda. Semua urusan Pengangkutan yang dibuat untuk memindahkan Anda mestilah melalui laluan yang paling cepat dan ekonomi.

Perbelanjaan bagi Pengangkutan mestilah:

- a. yang disyorkan oleh Doktor yang merawat;
- b. yang dikehendaki oleh peraturan standard kenderaan yang membawa Anda; dan
- c. diatur dan dibenarkan terlebih dahulu oleh Jabatan Bantuan.

#### 2. Definisi

**Evakuasi Kecemasan** - bermaksud:

- a. Keadaan perubatan anda menjamin pengangkutan segera dari tempat di mana Anda cedera atau sakit ke Hospital yang terdekat di mana rawatan perubatan yang sesuai boleh didapati; atau
- b. selepas dirawat di Hospital tempatan, keadaan perubatan anda memerlukan pengangkutan ke tempat kediaman semasa Anda; atau
- c. kedua-dua (a) dan (b) di atas.

**Pengangkutan** - bermaksud apa-apa pengangkutan darat, air atau udara yang diperlukan untuk membawa Anda semasa Evakuasi Kecemasan. Pengangkutan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, ambulans udara, ambulans darat dan kenderaan bermotor persendirian.

## PENGHANTARAN PULANG MAYAT

1. Kami akan membayar manfaat bagi perbelanjaan dilindungi yang munasabah ditanggung semasa mengikuti perjalanan di luar Negara Kediaman Tetap Anda, untuk menghantar pulang mayat Anda sekiranya Anda meninggal dunia. Manfaat tidak akan melebihi had maksimum sebanyak USD 500,000 bagi setiap individu (sub-had tergunapakai bagi Pasangan, Anak-anak dan Pembantu Rumah, sila rujuk RINGKASAN PERLINDUNGAN untuk maklumat lanjut), bagi kedua-dua Evakuasi Perubatan dan Penghantaran Pulang Mayat.

Perbelanjaan yang dilindungi termasuk, tetapi tidak terhad kepada, perbelanjaan untuk:

- pengawetan mayat;
- pembakaran mayat;
- keranda; dan
- pengangkutan.

Perbelanjaan ini mesti mendapat kebenaran dan diuruskan oleh Jabatan Bantuan dan Anda atau Keluarga Anda mesti menghubungi nombor yang disenaraikan dalam Bahagian Perkhidmatan Pelanggan.

## MANFAAT TUNAI HARIAN HOSPITAL

Jika Anda dimasukkan ke hospital sebagai Pesakit dalam, kerana Kecederaan atau Sakit semasa berada di luar Negara Kediaman Tetap Anda, manfaat sebanyak USD 100 sehari bagi setiap individu (sub-had tergunapakai bagi Pasangan, Anak-anak dan Pembantu Rumah, sila rujuk RINGKASAN PERLINDUNGAN untuk maklumat lanjut), akan disediakan bagi setiap hari Orang yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital. Penginapan Hospital mesti disyorkan oleh Pakar Perubatan.

**Pesakit dalam** bermaksud Orang yang Diinsuranskan yang dimasukkan ke Hospital, di bawah syor Pakar Perubatan, dan dikenakan caj bilik dan penginapan.

### Pengecualian

1. Keadaan Perubatan sedia ada;
2. Kemasukan ke hospital di Negara Kediaman Anda;
3. Kehamilan dan melahirkan anak, keguguran atau penyakit organ reproduksi wanita;
4. Pemeriksaan fizikal rutin;
5. Pembedahan kosmetik atau plastik, kecuali akibat daripada Kecederaan;
6. Apa-apa gangguan mental atau saraf atau rehat pulih.

## PERLINDUNGAN KESULITAN PERJALANAN

Pemegang Kad Layak boleh menarik nafas lega apabila mengetahui bahawa perbelanjaan perjalanan dan penginapan yang dibayar terlebih dahulu dilindungi jika perjalanan dibatalkan atau ditangguhkan secara tiba-tiba.

### 1. Siapa yang Dilindungi:

Pemegang Kad yang Layak, Pasangan, Anak-anak dan Pembantu Rumah beliau, sama ada melakukan perjalanan bersama-sama atau secara berasingan.

### 2. Bagaimana untuk Mendapatkan Perlindungan:

Perlindungan disediakan secara automatik apabila kos keseluruhan penumpang Pengangkutan Umum telah dicaj kepada Pemegang Kad Layak Anda; atau telah mendapat mata yang diperolehi daripada program ganjaran yang berkaitan dengan kad Anda (iaitu mata perbatuan untuk perjalanan).

Perlindungan hanya berkuatkuasa jika perjalanan tersebut dibeli sebelum Orang yang Diinsuranskan menyedari tentang sebarang keadaan yang boleh membawa kepada pembatalan perjalanan beliau.

## PEMBATALAN PERJALANAN

1. Kami akan membayar deposit kerugian perjalanan dan/atau penginapan sehingga had maksimum sebanyak USD 7,500 bagi setiap individu (sub-had tergunapakai bagi Pasangan, Anak-anak dan Pembantu Rumah, sila rujuk RINGKASAN PERLINDUNGAN untuk maklumat lanjut), jika sebelum Tarikh Kontrak Perlepasan perjalanan Anda dibatalkan dan Anda dihalang daripada meneruskan Perjalanan disebabkan oleh:

- a. Sakit, Kecederaan atau Kematian kepada Anda; Teman Perjalanan Anda; Ahli Keluarga Terdekat Anda; atau Ahli Keluarga Terdekat Teman Perjalanan Anda; atau
- b. keadaan cuaca buruk yang membatalkan pelepasan Pengangkutan Umum yang dijadualkan; atau
- c. sebab keselamatan atau evakuasi wajib di destinasi; atau
- d. kerugian teruk di kediaman atau perniagaan yang dimiliki oleh Orang yang Diinsuranskan disebabkan oleh kebakaran, letupan dan banjir yang membuatkan premis tersebut tidak boleh diduduki, dan juga kecurian secara paksa dari luar ke bahagian dalam premis, di mana terdapat kesan atau kesan yang boleh dilihat bagi kejadian tersebut dan kerosakan material kepada premis akibat daripada penggunaan kekerasan yang digunakan

dalam kecurian yang dilakukan; atau

- e. komplikasi Kehamilan yang dialami oleh Orang yang Diinsuranskan atau Pasangan yang membahayakan kesihatan atau nyawa mereka yang terlibat; atau
- f. saman tetap sebagai pihak atau saksi di hadapan mahkamah sivil, Keluarga, pekerja atau jenayah; atau
- g. sekiranya Orang yang Diinsuranskan mengemukakan atau menerima tuntutan perpisahan atau perceraian yang memerlukan Orang yang Diinsuranskan hadir ke khalayak mahkamah; atau
- h. kehilangan Pekerjaan Rasmi Orang yang Diinsuranskan yang tidak diduga; atau
- i. kehilangan Dokumen pengenalan Orang yang Diinsuranskan disebabkan oleh Serangan atau Kecurian dan di mana kes tersebut tidak mungkin dipulihkan supaya dapat melakukan Perjalanan; atau
- j. keperluan untuk menyertai angkatan tentera negara.

### 2. Pembatalan:

Kami akan membayar balik kepada Anda, kos Hotel bagi bahagian pembatalan yang tidak digunakan, yang tidak boleh dibayar balik dan/atau caj pembatalan tiket Pengangkutan Umum dengan syarat Anda telah menempah dan membayar kos-kos tersebut sebelum Sakit, Kecederaan atau Kematian berlaku.

### 3. Pemberitahuan Khas Tuntutan:

Anda mesti memaklumkan kepada Kami dengan segera mengenai peristiwa Pembatalan Perjalanan. Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa caj penalti tambahan yang ditanggung yang tidak akan dikenakan sekiranya Anda memaklumkan kepada Kami dengan segera.

### 4. Definisi:

**Ahli Keluarga Terdekat** – bermaksud pasangan suami/isteri yang sah; anak-anak; anak menantu; adik-beradik; adik-beradik ipar; ibu bapa; ibu bapa mertua; datuk/nenek; cucu; penjaga yang sah, wad; anak angkat atau tiri; ibu bapa tiri; ibu saudara, bapa saudara; anak saudara perempuan, dan anak saudara lelaki, yang tinggal di Negara Kediaman.

**Dihalang daripada mengikuti Perjalanan** - bermaksud:

1. Berkenaan dengan Sakit, Kecederaan atau Kematian Anda atau

Teman Perjalanan Anda, Pakar Perubatan telah mengesyorkan oleh sebab tahap keterukan keadaan Anda atau Teman Perjalanan Anda, adalah Perlu Dari Segi Perubatan untuk Anda atau Teman Perjalanan Anda membatalkan Perjalanan. Anda atau Teman Perjalanan Anda mestilah berada di bawah jagaan dan rawatan doktor secara langsung.

2. Berkenaan dengan Sakit, Kecederaan atau Kematian Ahli Keluarga Terdekat Anda atau Teman Perjalanan Anda, tahap keterukan atau kritikal keadaan atau persekitaran keadaan tersebut memerlukan orang biasa yang berhati-hati untuk membatalkan Perjalanan.

**Teman Perjalanan** – bermaksud sehingga dua (2) orang yang menemani Anda semasa Perjalanan.

#### 5. Pengecualian:

- a. Tuntutan yang timbul akibat kemurungan atau keresahan, gangguan mental atau saraf, alkohol atau penyalahgunaan dadah, ketagihan dadah atau pengambilan dadah berlebihan;
- b. Tuntutan yang timbul akibat pembedahan kosmetik elektif atau plastik, kecuali akibat daripada kemalangan;
- c. Tuntutan yang timbul daripada kehamilan dan semua keadaan yang berkaitan.
- d. Keadaan Perubatan Sedia ada.

#### PEMENDEKAN PERJALANAN

1. Kami akan membayar kerugian dengan deposit sehingga maksimum sebanyak USD 7,500 bagi setiap individu (sub-had tergunapakai bagi Pasangan, Anak-anak dan Pembantu Rumah, sila rujuk RINGKASAN PERLINDUNGAN untuk maklumat lanjut), jika sebelum Tarikh Kontrak Pulang, Perjalanan Anda dibatalkan dan Anda tidak dapat meneruskan Perjalanan disebabkan oleh:

- a. sakit, Kecederaan atau Kematian Anda; Teman Perjalanan Anda; Ahli Keluarga Terdekat Anda; atau Ahli Keluarga Terdekat Teman Perjalanan Anda.
- b. komplikasi Kehamilan yang dialami oleh Orang yang Diinsuranskan atau Pasangan yang membahayakan kesihatan atau nyawa mereka yang terlibat.
- c. jika Orang yang Diinsuranskan mengemukakan atau menerima tuntutan perpisahan atau perceraian yang memerlukan Orang yang Diinsuranskan hadir ke khalayak mahkamah.
- d. kehilangan Pekerjaan Rasmi Orang yang Diinsuranskan yang tidak diduga.
- e. keperluan untuk menyertai angkatan tentera negara.

#### 2. Gangguan

Kami akan membayar balik kepada Anda untuk kos urusan perjalanan prabayar ke Hotel dan/atau tiket Pengangkutan Umum yang tidak digunakan, tidak boleh dibayar balik, ditolak nilai kredit yang digunakan daripada tiket perjalanan pulang yang tidak digunakan, untuk pulang ke rumah atau menyertai semula Urusan perjalanan Darat/Laut. Manfaat ini adalah terhad kepada kos tambang ekonomi sehala oleh syarikat penerbangan yang dijadualkan dan tertakluk kepada Had Setiap Perlindungan yang dinyatakan dalam Ringkasan Perlindungan.

#### 3. Peneman Bawah Umur:

Sekiranya, Anda mengikuti perjalanan seorang diri bersama dengan kanak-kanak yang berusia sehingga 15 tahun dan Anda tidak dapat meneruskan Perjalanan disebabkan oleh Sakit, Kecederaan atau Kematian yang menyebabkan kanak-kanak tersebut ditinggalkan tanpa dijaga, Kami akan membayar kos perjalanan pergi dan balik tiket ekonomi dalam penerbangan berjadual dari Negara Kediaman Anda untuk orang dewasa yang ditetapkan oleh keluarga Anda untuk mengiringi kanak-kanak tersebut kembali ke Negara Kediaman Anda. **Perbelanjaan ini mesti mendapat kebenaran terlebih dahulu**

**daripada Jabatan Bantuan dan Anda hendaklah menghubungi talian yang disenaraikan dalam Bahagian Perkhidmatan Pelanggan.**

#### 4. Pemberitahuan Khas Tuntutan:

Anda mesti memaklumkan kepada Kami dengan segera sekiranya terdapat tuntutan Gangguan Perjalanan. Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa caj penalti tambahan yang ditanggung yang tidak akan dikenakan sekiranya Anda memaklumkan kepada Kami dengan segera.

#### 5. Definisi:

**Ahli Keluarga Terdekat** bermaksud pasangan suami/isteri yang sah; anak-anak; anak menantu; adik-beradik; adik-beradik ipar; ibu bapa; ibu bapa mertua; datuk /nenek; cucu; penjaga yang sah, wad; anak angkat atau tiri; ibu bapa tiri; ibu saudara, bapa saudara; anak saudara perempuan, dan anak saudara lelaki.

**Kecederaan atau Sakit** bermaksud keadaan yang memerlukan rawatan oleh pengamal perubatan yang berkelayakan dari segi undang-undang dan yang menyebabkan Orang yang Diinsuranskan disahkan oleh pengamal perubatan sebagai tidak sihat untuk mengikuti perjalanan atau meneruskan perjalanan asalnya.

**Teman Perjalanan** bermaksud sehingga dua (2) orang yang menemani Anda semasa Perjalanan.

**Tidak dapat meneruskan Perjalanan** bermaksud:

- a. Berkenaan dengan Sakit, Kecederaan atau Kematian Anda atau Teman Perjalanan Anda, Pakar Perubatan telah mengesyorkan bahawa oleh sebab tahap keterukan keadaan Anda atau Teman Perjalanan Anda, adalah Perlu Dari Segi Perubatan untuk Anda atau Teman Perjalanan Anda tidak meneruskan Perjalanan. Anda atau Teman Perjalanan Anda mesti berada di bawah jagaan dan rawatan doktor secara langsung.
- b. Berkenaan dengan Sakit, Kecederaan atau Kematian Ahli Keluarga Terdekat Anda atau Teman Perjalanan Anda, tahap keterukan atau kritikal keadaan atau persekitaran keadaan tersebut memerlukan orang biasa yang berhati-hati untuk tidak meneruskan Perjalanan.

#### 6. Pengecualian:

- a. Tuntutan yang timbul akibat kemurungan atau keresahan, gangguan mental atau saraf, alkohol atau penyalahgunaan dadah, ketagihan dadah atau pengambilan dadah berlebihan;
- b. Tuntutan yang timbul akibat pembedahan kosmetik elektif atau plastik, kecuali akibat daripada kemalangan;
- c. Tuntutan yang timbul daripada kehamilan dan semua keadaan yang berkaitan.
- d. Keadaan Perubatan Sedia ada.

#### PENANGGUHAN PERJALANAN

Jika Perjalanan ditangguhkan disebabkan oleh mana-mana kejadian yang tidak dijangka berikut yang berlaku dalam tempoh 60 hari (kecuali perkara (c)) sebelum tarikh pelepasan Perjalanan:

- a. Peristiwa Perjalanan Utama yang menghalang Anda daripada membuat perjalanan ke destinasi utama Anda seperti yang dijadualkan dan digariskan dalam jadual Perjalanan Anda;
- b. Kematian atau Kecederaan Serius atau Sakit Serius atau kuarantin wajib bagi Anda atau Saudara Mara Anda;
- c. kerosakan serius terhadap tempat kediaman kekal Anda di Wilayah akibat daripada Bencana Alam yang berlaku selepas tarikh pengeluaran Polisi dan dalam tempoh satu (1) minggu sebelum tarikh pelepasan Perjalanan Dilindungi anda dan yang memerlukan Anda hadir di tempat kediaman kekal Anda pada tarikh pelepasan; atau
- d. saman saksi.

Kami akan membayar, sehingga had yang ditetapkan dalam Ringkasan Perlindungan, akibat caj pentadbiran kepada penangguhan Perjalanan:

- a. iaitu pembayaran penuh yang dibuat oleh Anda;
- b. yang Anda bertanggungjawab di sisi undang-undang; dan
- c. yang tidak boleh didapatkan kembali daripada mana-mana sumber lain.

#### **PENGECUALIAN**

Kami tidak akan membayar sebarang kerugian atau caj:

1. disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh peraturan atau kawalan kerajaan;
2. disebabkan oleh pembatalan oleh Pengangkutan Umum atau mana-mana penyedia pengangkutan lain bagi perjalanan dan/atau penginapan;
3. yang dilindungi oleh mana-mana skim insurans sedia ada lain atau program kerajaan;
4. yang akan dibayar atau dibayar balik oleh hotel, syarikat penerbangan, ejen pelancongan atau mana-mana penyedia perjalanan dan/atau penginapan lain;
5. jika insurans ini dibeli kurang daripada 3 hari sebelum tarikh pelepasan (termasuk tarikh pelepasan) (dengan pengecualian kematian Anda atau kematian Saudara Mara Anda atau Peneman Perjalanan Anda yang disebabkan oleh Kemalangan);
6. yang diakibatkan oleh Peristiwa Perjalanan Utama yang diketahui umum pada masa Anda menempah Perjalanan Anda atau membeli insurans ini, mana-mana satu berlaku paling akhir; dan/atau
7. pampasan untuk mana-mana mata perbatuan udara atau percutian yang Anda gunakan untuk membayar Perjalanan secara sebahagian atau penuh.

Untuk mengelakkan keraguan, perlindungan akan berterusan berkuat kuasa berhubung dengan Orang Diinsuranskan lain yang meneruskan dengan Perjalanan seperti yang dijadualkan.

#### **PERLINDUNGAN KELEWATAN PERJALANAN**

**1. Kami akan membayar manfaat** bagi Kelewatan Perjalanan, jika Perjalanan Anda terlewat untuk sekurang-kurangnya empat (4) jam dan kelewatan adalah disebabkan oleh:

- a. cuaca buruk, yang bermaksud apa-apa keadaan cuaca buruk yang melambatkan perlepasan Pengangkutan Umum seperti yang dijadualkan; atau
- b. kegagalan kelengkapan Pengangkutan Umum, yang bermaksud kerosakan secara tiba-tiba, yang tidak dijangka pada kelengkapan Pengangkutan Umum yang menyebabkan kelewatan atau gangguan perjalanan biasa; atau
- c. serangan yang tidak diduga atau tindakan kerja lain oleh pekerja Pengangkutan Umum, yang bermaksud apa-apa perselisihan buruh yang mengganggu masa berlepas dan masa ketibaan biasa Pengangkutan Umum; atau
- d. sebab-sebab pengoperasian di bahagian perlepasan lapangan terbang oleh sekatan trafik udara atau kawalan syarikat penerbangan

Perlindungan ini menyediakan manfaat sebanyak USD 500 untuk kerugian bagi setiap individu (sub-had tergunapakai bagi Pasangan, Anak-anak dan Pembantu Rumah, sila rujuk RINGKASAN PERLINDUNGAN untuk maklumat lanjut), akibat daripada **kelewatan sekurang-kurangnya empat (4) jam berturut-turut** dari masa yang dinyatakan dalam jadual perlepasan Pengangkutan Umum yang diberikan kepada Orang yang Diinsuranskan di mana Orang yang Diinsuranskan telah merancang untuk mengikuti perjalanan ke sana.

#### **2. Apa yang TIDAK dilindungi oleh Kelewatan Perjalanan (Pengecualian):**

Perlindungan Kelewatan Perjalanan tidak termasuk manfaat bagi apa-apa kerugian yang disebabkan secara langsung dan/atau tidak langsung kerana apa-apa kelewatan yang dimaklumkan kepada umum atau kepada Anda sebelum tarikh perjalanan ditempah.

#### **PERLINDUNGAN TERLEPAS SAMBUNGAN**

**1.** Kami akan membayar balik kepada Anda sebanyak USD 500 bagi setiap individu (sub-had tergunapakai bagi Pasangan, Anak-anak dan Pembantu Rumah, sila rujuk RINGKASAN PERLINDUNGAN untuk maklumat lanjut), jika Anda terlepas sambungan penerbangan kerana kelewatan atau pembatalan penerbangan sebelumnya.

#### **2. Definisi – Kesulitan Perjalanan**

**Kecederaan Serius atau Sakit** bermaksud keadaan yang memerlukan rawatan oleh pengamal perubatan yang berkelayakan dari segi undang-undang dan yang menyebabkan Orang yang Diinsuranskan disahkan oleh pengamal perubatan sebagai tidak sihat untuk mengikuti perjalanan atau meneruskan perjalanan asalnya.

#### **LIABILITI PERIBADI DI LUAR NEGARA**

Kami akan membayar ganti rugi kepada Anda, sehingga had yang dinyatakan di dalam Ringkasan Perlindungan, untuk liabiliti undang-undang kepada pihak ketiga yang timbul semasa Perjalanan akibat daripada:

- a. kematian atau kecederaan kepada mana-mana pihak ketiga; atau
- b. Kerugian tidak sengaja atau kerosakan kepada harta mana-mana pihak ketiga.

#### **PENGECUALIAN**

Kami tidak akan membayar untuk:

1. Harta milik anggota keluarga Anda atau majikan atau dianggap oleh undang-undang menjadi pekerja anda;
2. liabiliti kepada mana-mana individu yang merupakan anggota keluarga Anda atau majikan atau dianggap oleh undang-undang menjadi pekerja anda;
3. harta milik Anda atau dalam kendalian, jagaan atau kawalan anda;
4. apa-apa liabiliti yang ditanggung di bawah kontrak;
5. liabiliti yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada, berhubung dengan, atau disebabkan oleh tindakan sengaja, berniat jahat atau menyalahi undang-undang oleh anda;
6. liabiliti yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada, berhubung dengan, atau disebabkan oleh pemilikan, pemunyaan atau penggunaan kenderaan, pesawat, pengangkutan air, senjata api atau haiwan;
7. liabiliti yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada, berhubung dengan, atau disebabkan oleh pemilikan atau penghunian tanah atau bangunan (selain daripada penghunian hanya mana-mana kediaman sementara);
8. liabiliti yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada, berhubung dengan, atau disebabkan oleh usaha atau pengejaran apa-apa perdagangan, perniagaan atau profesion;
9. liabiliti yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada, atau disebabkan oleh apa-apa perbuatan jenayah;
10. kos perundangan akibat daripada apa-apa prosiding jenayah;
11. penyertaan Anda dalam mana-mana perhimpunan motor, atau lumba kereta, motosikal, bot atau udara;
12. pertimbangan yang mana bukan sebagai permulaan dihantar oleh atau diperolehi daripada sebuah mahkamah bidang kuasa kompeten dalam Wilayah; dan/atau

### 13. ganti rugi punitif, teruk atau teladan.

Sebagai syarat terdahulu kepada liabiliti Kami, Anda mestilah tidak membuat apa-apa tawaran atau janji pembayaran atau mengakui

apa-apa liabiliti atau kesalahan kepada mana-mana pihak lain atau terlibat dalam mana-mana litigasi tanpa kelulusan bertulis daripada kami.

## PERLINDUNGAN BAGASI

### BAGASI PERIBADI TERMASUK KOMPUTER RIBA

Kami akan membayar Anda, sehingga had yang ditetapkan dalam Ringkasan Perlindungan, bagi kerugian atau kerosakan yang dialami semasa Perjalanan Dilindungi terhadap bagasi peribadi yang diambil atau dibeli apabila kerugian atau kerosakan tersebut disebabkan oleh keadaan di luar kawalan Anda di destinasi yang dirancang, termasuk Bencana Alam. Perkara ini termasuk pampasan untuk pakaian dan barangan peribadi Anda yang disimpan dalam bagasi peribadi yang hilang atau yang dipakai atau dibawa bersama Anda. Semua barangan mestilah dimiliki oleh Anda atau dalam jagaan Anda atau yang dipinjamkan atau dipertanggungjawabkan kepada anda.

Jika mana-mana barangan atau bagasi peribadi Anda terbukti tidak boleh dibaiki dengan kos yang munasabah, tuntutan di bawah Polisi ini akan dikendalikan seolah-olah barangan telah hilang. Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar lebih daripada \$625, berhubung dengan mana-mana satu barangan atau pasang atau set barangan. Had liabiliti bagi Komputer Riba adalah \$1,000 dan hanya untuk sebuah Komputer Riba bagi setiap Perjalanan Dilindungi.

Kami tidak akan membayar lebih daripada had maksimum gabungan sebanyak 10% daripada maksimum yang dinyatakan di atas untuk yang berikut:

- barang kemas, jam tangan, barang yang mengandungi seluruh atau sebahagian perak, emas atau platinum;
- kulit, barang yang dirapi dengan atau dibuat hampir kesemuanya daripada kulit;
- kamera, termasuk peralatan berkaitan kamera;
- peralatan elektronik lain

Pasang atau set barangan yang dikendalikan sebagai satu barang (contohnya sepasang kasut, kamera dan lensa iringannya dan mana-mana aksesori walaupun ia dibeli secara berasingan dan jenama yang berbeza, set peralatan menyelam dan apa-apa aksesori walaupun ia dibeli secara berasingan dan jenama yang berbeza).

Kami boleh, mengikut budi bicara dan pilihan mutlak Kami, membuat pembayaran atau mengembalikan atau membaiki bagasi peribadi yang rosak. Semua penyelesaian tuntutan akan tertakluk dengan mengambil kira kepada haus dan lusuh serta susut nilai yang dijangka. Susut nilai mungkin tidak terpakai kepada barangan elektronik yang dibeli kurang daripada 1 tahun dari tarikh kejadian sekiranya Anda boleh mengemukakan dokumen sokongan (iaitu resit asal atau kad jaminan asal bagi tuntutan).

Kerugian tersebut mestilah dilaporkan kepada polis atau pihak berkuasa berkaitan seperti pengurusan hotel dan syarikat penerbangan atau pembekal perkhidmatan lain yang mempunyai bidang kuasa di tempat berlaku kerugian dalam tempoh 24 jam kejadian. Sebarang tuntutan mestilah diiringi dengan dokumentasi bertulis daripada pihak berkuasa tersebut. Anda mesti mengambil segala langkah yang mungkin dan langkah berjaga-jaga munasabah untuk memastikan:

- bagasi atau barangan peribadi Anda tidak ditinggalkan tanpa diawasi di Tempat Awam; dan
- keselamatan semua harta dan bagasi peribadi.

Tuntutan akibat daripada Anda kehilangan bagasi Anda atau ia rosak semasa dipegang oleh syarikat penerbangan atau pembekal perkhidmatan hendaklah dibuat kepada syarikat penerbangan atau pembekal perkhidmatan terlebih dahulu atau mana-mana insurans

yang sah dan boleh ditukar lain yang disediakan. Sebarang pembayaran di bawah Polisi perlu dibuat apabila bukti pampasan diterima daripada syarikat penerbangan, pembekal perkhidmatan atau syarikat insurans lain atau apabila pampasan tersebut dinafikan, bukti penafian tersebut.

### Apa yang TIDAK Dilindungi Di bawah BAGASI PERIBADI TERMASUK KOMPUTER RIBA (Pengecualian):

Kami tidak akan membayar untuk apa-apa kerugian atau kerosakan:

- bagi kelas harta berikut yang dikecualikan daripada perlindungan: haiwan, kenderaan bermotor (termasuk aksesori), motosikal, bot, motor, mana-mana kenderaan lain, ski salji, papan atau toboggan, buah, makanan mudah rosak dan bahan guna habis, barangan isi rumah, antik, artifak, lukisan, objek seni, komputer (termasuk komputer pegang tangan, perisian dan aksesori dengan pengecualian Komputer Riba seperti yang dinyatakan di atas), manuskrip, batu permata, kanta sentuh atau kornea, sekuriti, alat muzik, jambatan gigi, gigi palsu;
- disebabkan oleh haus dan lusuh, kemerosotan beransur-ansur, rama-rama, kutu, keburukan sedia ada atau kerosakan yang dialami disebabkan oleh mana-mana proses atau semasa sedang diusahakan apabila mengakibatkan kerugian atau kerosakan sedemikian;
- terhadap harta yang tidak menjejaskan kesesuaian untuk penggunaan atau tujuan kegunaan harta tersebut;
- terhadap peralatan yang disewa atau dipajak dan kerugian atau kerosakan terhadap harta secara langsung atau tidak langsung akibat daripada pemberontakan, penentangan, revolusi, perang saudara, rampasan kuasa, atau tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa kerajaan dalam menghalang, memerangi atau mempertahankan terhadap kejadian tersebut, rampasan atau kemusnahan di bawah kuarantin atau peraturan kastam, rampasan atas arahan daripada pihak kerajaan atau pihak berkuasa awam atau risiko penyeludupan atau pengangkutan atau perdagangan yang menyalahi undang-undang;
- terhadap harta yang diinsuranskan di bawah mana-mana polisi insurans lain, atau dibayar balik oleh mana-mana syarikat lain, hotel atau mana-mana pihak lain;
- terhadap harta Anda yang dihantar terlebih dahulu, dihantar atau diposkan secara berasingan;
- terhadap harta Anda ditinggalkan tidak diawasi di mana-mana Tempat Awam;
- akibat daripada kegagalan Anda untuk menjaga dengan sebaiknya dan mengambil langkah berjaga-jaga untuk melindungi dan keselamatan harta tersebut;
- akibat daripada perbuatan sengaja, peninggalan, kecuaiian atau kelalaian Anda;
- timbul daripada rampasan atau penahanan oleh pihak kastam atau pegawai lain;
- terhadap barangan perniagaan atau sampel atau peralatan dalam apa jua bentuk;
- terhadap data yang dirakam pada pita, kad, cakera atau sebaliknya;
- terhadap tunai atau setara tunai, wang kertas, cip kasino, baucar, kad tunai, bon, kupon, setem, instrumen boleh niaga, surat ikatan hak milik, manuskrip, sekuriti dalam apa jua bentuk, kehilangan kad kredit atau penggantian kad kredit, Kad Pengenalan (IC) dan lesen memandu, dokumen perjalanan kecuali seperti yang disediakan dalam Bahagian Dokumen

Perjalanan dan Wang Peribadi;

14. atau kekalutan atau keretakan barangan mudah pecah atau rapuh; dan/atau
15. akibat daripada kehilangan misteri harta tersebut.

**Perhatian: Polisi hanya akan membayar mana-mana tuntutan di bawah Kehilangan Bagasi atau Kelewatan Bagasi untuk kejadian yang sama.**

#### KELEWATAN BAGASI PENGANGKUTAN UMUM

1. Kami akan membayar Anda sebanyak USD 500 bagi setiap individu (sub-had tergunapakai bagi Pasangan, Anak-anak dan Pembantu Rumah, sila rujuk RINGKASAN PERLINDUNGAN untuk maklumat lanjut), jika Bagasi Berdaftar Anda terlewat atau tersalah arah oleh Pengangkutan Umum untuk lebih dari 4 jam dari masa Anda tiba di destinasi yang tertera pada tiket anda, sehingga masa ia tiba. Perlindungan untuk kelewatan Bagasi tidak disediakan di Bandar Kediaman Tetap Orang yang Diinsuranskan.

Anda mestilah merupakan seorang penumpang bertiket yang menaiki Pengangkutan Umum. Di samping itu, semua tuntutan mesti disahkan oleh Pengangkutan Umum yang mesti mengesahkan kelewatan atau salah arah tersebut.

#### 2. Definisi

**Bagasi Berdaftar** bermaksud bagasi yang didaftar masuk dan berada dalam jagaan Pengangkutan Umum dan yang mana cek tuntutan telah dikeluarkan kepada Anda oleh Pengangkutan Umum.

Pengangkutan Awam bermaksud bas, kereta api dan bentuk pengangkutan kumpulan lain yang mengangkut orang awam, mengenakan tambang yang ditetapkan dan beroperasi di laluan yang ditetapkan antara Lapangan Terbang dan Hotel.

#### Had

Jika selepas siasatan lanjut, ia kemudiannya ditentukan bahawa bagasi anda yang didaftar dengan Pengangkutan Umum telah hilang, apa-apa amaun yang dituntut dan dibayar kepada Anda di bawah

bahagian polisi kelewatan bagasi akan ditolak daripada apa-apa bayaran Anda di bawah bahagian polisi bagasi hilang.

#### DOKUMEN PERJALANAN DAN WANG PERIBADI

Kami akan membayar Anda, sehingga had yang ditetapkan dalam Ringkasan Perlindungan, untuk kos mendapatkan pasport gantian, tiket perjalanan dan visa, jika ada, yang telah hilang dan juga perbelanjaan perjalanan tambahan dan penginapan hotel yang ditanggung semasa dalam Perjalanan Dilindungi di luar Negara Kediaman Anda bagi menggantikan dokumen perjalanan yang hilang tersebut. Kerugian tersebut hendaklah berpunca daripada rompakan, pecah masuk, kecurian atau Bencana Alam semasa dalam Perjalanan Dilindungi.

Apabila pasport gantian yang telah hilang semasa Perjalanan Dilindungi akan diperoleh apabila Anda kembali ke Wilayah, Kami akan membayar Anda, sehingga had yang ditetapkan dalam Ringkasan Perlindungan hanya untuk kos mendapatkan pasport tersebut tidak termasuk mana-mana pengangkutan atau kos sampingan lain yang ditanggung di Wilayah.

Jika akibat daripada rompakan, pecah masuk, kecurian atau Bencana Alam Anda mengalami kerugian tunai, cek pengembara atau wang kertas yang ada pada diri anda, atau disimpan rapi dalam peti terkunci atau bilik kebal atau di bawah pengawasan aktif anda apabila kejadian berlaku semasa Perjalanan, Kami akan membayar kehilangan sebenar sehingga \$300, dengan syarat kehilangan tersebut dilaporkan kepada polis atau pihak berkuasa berkaitan yang mempunyai bidang kuasa di tempat berlaku kerugian tidak lebih daripada 24 jam selepas kejadian. Mana-mana tuntutan hendaklah diiringi dengan dokumentasi bertulis daripada polis atau pihak berkuasa sedemikian yang lain.

#### PENGECEUALIAN

Kami tidak akan membayar apa-apa kekurangan yang disebabkan oleh kadar pertukaran atau susut nilai dan untuk kehilangan cek pengembara yang tidak segera dilaporkan kepada cawangan tempatan atau ejen pihak berkuasa pengeluaran.

#### PENGECEUALIAN PELAN AM

Polisi ini tidak melindungi mana-mana yang berikut:

1. Kecederaan yang disengajakan, bunuh diri atau sebarang cubaan melakukannya ketika waras atau tidak waras; juga tidak
2. Perang, perang saudara, serangan, pemberontakan, revolusi, penggunaan kuasa tentera atau rampasan kerajaan atau kuasa tentera; juga tidak
3. apa-apa tempoh di mana Orang yang Diinsuranskan sedang berkhidmat dalam Angkatan Tentera mana-mana negara atau pihak berkuasa antarabangsa, sama ada dalam keadaan aman atau perang; juga tidak
4. Kerugian yang dialami atau berkontrak akibat daripada Orang yang Diinsuranskan mabuk atau di bawah pengaruh apa-apa narkotik atau dadah kecuali diberikan atas nasihat doktor; juga tidak
5. apa-apa kerugian yang mana penyebab yang menyumbang kepadanya adalah cubaan perlakuan Orang yang Diinsuranskan, atau penyertaan yang disengajakan dalam, tindakan menyalahi undang-undang atau apa-apa pelanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau melawan penangkapan oleh Orang yang Diinsuranskan; juga tidak
6. Apa-apa kerugian yang ditanggung semasa penerbangan di dalam mana-mana pesawat atau peranti untuk navigasi udara kecuali yang dinyatakan secara khusus di dalam ini; juga tidak
7. anomali kongenital dan keadaan yang timbul daripada atau akibat daripada, hernia atau rawatan gigi kecuali gigi asli yang
8. Jangkitan bakteria kecuali jangkitan piogenik yang disebabkan oleh luka akibat kemalangan; juga tidak
9. terbang dalam mana-mana pesawat yang dimiliki, dipajak atau dikendalikan oleh atau bagi pihak Orang yang Diinsuranskan atau mana-mana ahli keluarga Orang yang Diinsuranskan; juga tidak
10. memandu atau menunggang sebagai penumpang di dalam atau di atas (a) mana-mana kenderaan yang terlibat dalam mana-mana perlumbaan, ujian kelajuan atau ujian ketahanan atau (b) mana-mana kenderaan yang digunakan untuk pemanduan akrobatik atau aksi; juga tidak
11. apa-apa tuntutan yang disebabkan oleh jangkitan oportunistik atau neoplasma malignan, atau mana-mana keadaan sakit yang lain, jika, pada masa tuntutan, Orang yang Diinsuranskan telah didiagnosis sebagai mempunyai AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit), ARC (Kompleks Berkait AIDS) atau mempunyai ujian darah positif antibodi kepada HIV (Virus Kurang Daya Tahan Manusia); juga tidak
12. penggunaan, pembebasan atau pelepasan bahan-bahan nuklear yang secara langsung atau tidak langsung menyebabkan tindak balas nuklear atau radiasi atau pencemaran radioaktif; juga tidak
13. penyebaran atau penggunaan bahan-bahan biologi atau kimia patogenik atau beracun; juga tidak

14. Pembebasan bahan-bahan biologi atau kimia patogenik atau beracun; juga tidak timbul daripadanya, kecuali dilindungi secara khusus di dalam Polisi; juga tidak
15. Apa-apa kerugian yang ditanggung semasa Orang yang Diinsuranskan menyertai mana-mana sukan profesional, sukan musim sejuk, atau dalam luncur udara, payung terjun, luncur tangan, terjun bungee, selam skuba, mendaki gunung, kembara dalam gua; juga tidak
16. apa-apa Keadaan Perubatan Sedia Ada atau anomali kongenital atau apa-apa komplikasi yang timbul daripadanya; juga tidak
17. apa-apa sakit, penyakit, penyakit dan apa-apa komplikasi yang timbul daripadanya, kecuali dilindungi secara khusus di dalam Polisi; juga tidak
18. Mengikuti perjalanan yang melanggar nasihat doktor; juga tidak
19. mana-mana pengganas atau ahli pertubuhan pengganas, pengedar dadah haram, atau pembekal senjata nuklear, kimia atau biologi; juga tidak
20. apa-apa kerugian yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada perjalanan yang dirancang atau sebenar di, ke, atau melalui Cuba, Iran, Syria, Korea Utara, atau rantau Crimea.

## JABATAN BANTUAN

**Bagi Khidmat Pelanggan dalam keadaan kecemasan perubatan, sila hubungi Jabatan Bantuan 24 jam kami:**

Apabila melakukan perjalanan di dalam AS (Amerika Utara):

866 273 9079 nombor bebas tol

Bagi Perjalanan di luar AS (Amerika Utara):

001 817-826-7014 panggilan pindah bayaran

Jabatan Bantuan sentiasa bersedia untuk membantu ketika Anda berada jauh dari rumah. Jabatan Bantuan menjadi panduan bagi kebanyakan perkhidmatan penting yang mungkin anda perlukan semasa mengikuti perjalanan. Manfaat yang disediakan bertujuan membantu Anda semasa mengikuti perjalanan ke Luar Negara. Perkhidmatan Jabatan Bantuan adalah menyenangkan Anda, terutama apabila Anda melawat sesuatu tempat untuk kali pertama atau tidak menggunakan bahasa tempatan tersebut.

Adalah penting untuk diingatkan bahawa Jabatan Bantuan bukanlah perlindungan insurans dan Anda akan bertanggungjawab bagi bayaran yang dikenakan bagi perkhidmatan profesional atau kecemasan yang diminta daripada Jabatan Bantuan (contohnya, bil perubatan atau undang-undang). Manfaat ini mungkin membayar balik perbelanjaan perubatan yang berkaitan kepada Anda (Sila rujuk bahagian Perubatan Perjalanan untuk maklumat tambahan).

### 1. Siapa yang Dilindungi:

Pemegang Kad yang Layak, Pasangan, Anak-anak dan Pembantu Rumah beliau sama ada melakukan perjalanan bersama-sama atau secara berasingan.

### 2. Di manakah perkhidmatan ini boleh didapati:

Secara umum, perlindungan adalah tergunapakai di seluruh dunia, tetapi terdapat pengecualian.

Sekatan mungkin dikenakan di kawasan yang mungkin terlibat dalam konflik antarabangsa atau dalaman, atau di negara-negara dan wilayah di mana infrastruktur sedia ada dianggap tidak mencukupi untuk menjamin perkhidmatan. Anda boleh menghubungi Jabatan Bantuan sebelum memulakan Perjalanan Dilindungi untuk mengesahkan sama ada perkhidmatan boleh didapati di destinasi Anda.

### 3. Jabatan Bantuan:

- a. Semasa perjalanan Anda, sekiranya berlaku kecemasan, Jabatan Bantuan memberikan maklumat mengenai keperluan perjalanan, termasuk dokumentasi (visa, pasport), imunisasi, atau kadar pertukaran mata wang. Kadar pertukaran yang disediakan mungkin berbeza daripada kadar tepat yang digunakan oleh pengeluar untuk transaksi pada kad Anda. Maklumat mengenai kadar pertukaran untuk item yang dibilkan pada penyata anda perlu diperolehi daripada institusi kewangan yang mengeluarkan kad Anda.

- b. Jika berlaku kehilangan atau kecurian, tiket perjalanan Anda, pasport, visa atau dokumen pengenalan lain yang diperlukan untuk pulang, Jabatan Bantuan akan menyediakan bantuan dalam menggantikannya dengan menghubungi polis tempatan, konsulat, syarikat penerbangan atau entiti lain yang bersesuaian.
- c. Sekiranya berlaku kehilangan atau kecurian tiket pengangkutan pulang, tiket pengangkutan gantian boleh diuruskan.
- d. Sila ambil perhatian bahawa perkhidmatan ini tidak menyediakan peta atau maklumat mengenai keadaan jalan raya.

### 4. Jabatan Bantuan Perubatan:

- a. Menyediakan rangkaian rujukan global tentang pakar-pakar perubatan umum, doktor gigi, hospital, dan farmasi.
- b. Menyediakan bantuan dengan preskripsi semula bersama ahli farmasi tempatan (tertakluk kepada undang-undang tempatan).
- c. Sekiranya berlaku kecemasan, Jabatan Bantuan akan membuat persiapan untuk rundingan dengan doktor perkhidmatan perubatan umum. Selain itu, pasukan perubatan Jabatan Bantuan akan sentiasa berhubung dengan kakitangan perubatan tempatan dan memantau keadaan Anda.
- d. Jika Anda dimasukkan ke hospital, Kami boleh menguruskan untuk menyampaikan mesej ke rumah, memindahkan Anda ke pusat kemudahan lain jika perlu dari segi perubatan, atau membawa ahli keluarga atau kawan rapat untuk menemani Anda jika Anda mengikuti perjalanan seorang diri (perbelanjaan ini akan ditanggung oleh Pemegang Kad).
- e. Jika pasukan perubatan mendapati bahawa kemudahan perubatan tempatan tidak mencukupi sekiranya berlaku kemalangan atau penyakit, Kami akan mengaturkan evakuasi kecemasan ke hospital atau pusat kemudahan yang terdekat untuk mendapatkan penjagaan yang mencukupi.
- f. Jika tragedi berlaku, Kami akan membantu mengaturkan perjalanan untuk Anda.

### 5. Perkhidmatan Rujukan Undang-undang:

Jika Anda ditangkap atau berada dalam keadaan kemungkinan akan ditangkap akibat daripada tindakan bukan jenayah yang dikaitkan dengan apa-apa tanggungjawab Anda, Kami akan membantu, jika perlu, dengan menyediakan seorang peguam yang boleh mewakili anda dalam hal-hal berkaitan undang-undang.

## PROSEDUR AM – CARA MEMFAILKAN TUNTUTAN

Permintaan / Tuntutan Notis Perkhidmatan (tuntutan kecemasan

bukan perubatan secara bayaran balik)



Notis bertulis mengenai permintaan / tuntutan perkhidmatan mesti dikemukakan tidak lewat dari tiga puluh (30) hari dari tarikh kejadian. Kegagalan untuk memberikan notis kepada jabatan tuntutan yang disenaraikan di bawah, dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh kejadian boleh mengakibatkan penafian tuntutan. Untuk memfailkan tuntutan, log masuk ke <https://my.mycardbenefits.com> atau hantar pemberitahuan tuntutan kepada:

**AIG Malaysia Insurance Berhad**

Jabatan Tuntutan

Tingkat 18, Menara Worldwide

198, Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur

Tel: 1800-18-3333

Versi Bahasa: Bahasa Inggeris/Bahasa Malaysia

Waktu Operasi Pusat Panggilan: 9.00 pg hingga 5.00 ptg Isnin hingga

Jumaat (kecuali Cuti Umum)

Email: [APAC.Mastercard@aig.com](mailto:APAC.Mastercard@aig.com) / [MY.Mastercard@aig.com](mailto:MY.Mastercard@aig.com)

Tuntutan hendaklah dibuat mengikut prosedur yang berikut:

- 1) Anda (pemegang kad) atau benefisiari atau seseorang yang secara sah bertindak bagi pihak sama ada, mesti memaklumkan kepada kami sebagaimana yang dikehendaki dalam Tempoh Notis Tuntutan, atau tuntutan anda boleh dinafikan - Apabila menerima notis tuntutan, Syarikat Insurans, akan mengemukakan kepada pihak yang menuntut, Borang Tuntutan yang diperlukan bersama-sama dengan arahan;
- 2) Lengkapkan Borang Tuntutan secara menyeluruh;
- 3) Hantar semua Maklumat yang Diperlukan (bukti kerugian dan lain-lain), seperti yang digariskan dalam seksyen ini tidak lewat dari Tempoh Serahan.

Adalah penting untuk makluman anda, bahawa anda mungkin akan diminta untuk memberikan maklumat tambahan dari semasa ke semasa untuk kami memproses tuntutan anda. Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk memberikan maklumat ini atau tuntutan mungkin tidak boleh diproses.

Untuk bantuan berkenaan memfailkan tuntutan, sila hubungi talian yang disenaraikan di atas.

**KEMALANGAN PERJALANAN & TUNTUTAN PERJALANAN YANG DIINSURANSKAN:**

**Pengangkutan Umum – Perjalanan Antarabangsa / Perjalanan Domestik Pengangkutan Umum / Perjalanan Diinsuranskan – Perjalanan Antarabangsa / Perjalanan Domestik yang Diinsuranskan**

Tempoh Notis Tuntutan: Dalam masa sembilan puluh (90) hari dari tarikh kerugian.

Tempoh Serahan: Tidak lewat dari sembilan puluh (90) hari dari tarikh Notis Tuntutan.

Maklumat yang Diperlukan (bukti kerugian):

- a) Borang Tuntutan yang lengkap diisi dan dokumentasi termasuk sijil kematian dan/atau kenyataan pakar perubatan yang memberikan rawatan atau laporan bedah siasat;
- b) Pengesahan transaksi yang mengesahkan tambang penumpang penuh bagi Perjalanan Dilindungi telah dicaj kepada kad layak, termasuk salinan tiket dan resit Pengangkutan Umum;
- c) Penyata akaun pemegang kad anda yang menunjukkan akaun adalah terbuka dan dalam kedudukan yang baik pada masa pemfailan tuntutan.

**TUNTUTAN MANFAAT PERUBATAN PERJALANAN:**

**Perbelanjaan Perubatan (Kecederaan atau Sakit) / Evakuasi Perubatan Kecemasan & Penghantaran Pulang Mayat / Manfaat Tunai Harian Hospital**

Tempoh Notis Tuntutan: Dalam masa sembilan puluh (90) hari dari tarikh kerugian.

Tempoh Serahan: Tidak lewat dari sembilan puluh (90) hari dari tarikh Notis Tuntutan.

Maklumat yang Diperlukan (bukti kerugian):

- a) Dokumentasi memperincikan jenis kecederaan atau sakit dengan pecahan perbelanjaan, termasuk salinan yang disahkan: laporan bukti perubatan, kenyataan pakar perubatan yang memberikan rawatan, resit perubatan dan dokumentasi yang berkaitan;
- b) Pengesahan Transaksi yang mengesahkan tambang penumpang penuh bagi Perjalanan Dilindungi telah dicaj kepada kad layak, termasuk salinan tiket dan resit Pengangkutan Umum;
- c) Penyata akaun pemegang kad anda yang menunjukkan akaun adalah terbuka dan dalam kedudukan yang baik pada masa pemfailan tuntutan.

**TUNTUTAN PERLINDUNGAN KESULITAN PERJALANAN:**

**Pembatalan Perjalanan / Pemendekan Perjalanan / Penangguhan Perjalanan / Kelewatan Perjalanan / Terlepas Sambungan / Liabiliti Peribadi Di Luar Negara**

Tempoh Notis Tuntutan: Dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh kerugian.

Tempoh Serahan: Tidak lewat dari sembilan puluh (90) hari dari tarikh Notis Tuntutan.

Maklumat yang Diperlukan (bukti kerugian):

- a) Dokumentasi memperincikan sebab bagi pembatalan atau kelewatan, termasuk keterangan mengenai sifat Kecederaan Serius atau Sakit seperti salinan yang diperakui: laporan bukti perubatan, kenyataan pakar perubatan yang memberikan rawatan, resit perubatan dan dokumentasi yang berkaitan;
- b) Pengesahan Transaksi yang mengesahkan tambang penumpang penuh bagi Perjalanan Dilindungi telah dicaj kepada kad layak, termasuk salinan tiket dan resit Pengangkutan Umum;
- c) Penyata akaun pemegang kad anda yang menunjukkan akaun adalah terbuka dan dalam kedudukan yang baik pada masa pemfailan tuntutan.

**TUNTUTAN PERLINDUNGAN BAGASI:**

**Bagasi Peribadi Termasuk Komputer Riba / Kelewatan Bagasi / Dokumen Perjalanan dan Wang Peribadi**

